



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK AWANG DARUS BIN AWANG HAMAT  
PEMULIHARA PERMAINAN ULIK BANDA

OLEH:

SITI NURNADIA BINTI MUSA  
SITI ZULEHA BINTI ZAKARIA

(2013992877)  
(2013934493)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK AWANG DARUS BIN AWANG HAMAT  
PEMULIHARA PERMAINAN ULIK BANDA

OLEH:

SITI NURNADIA BINTI MUSA  
SITI ZULEHA BINTI ZAKARIA

(2013992877)  
(2013934493)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin-NYA dapat kami menyelesaikan tugas yang diberikan dengan jayanya. Kami tujukan penghargaan dan juga merakamkan ucapan jutaan terima kasih ini kepada Encik Awang Darus Bin Awang Hamat iaitu pemulihara dan juga pemain dalam permainan Ulik Banda kerana sudi berkongsi cerita mengenai permainan Ulik Banda ini.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Nor Kamariah Binti Chik iaitu pensyarah subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kerana tidak pernah jemu memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kami untuk melaksanakan tugas dengan sebaiknya. Penghargaan ini juga ditjukan kepada beliau kerana telah memberi peluang kepada kami untuk mendalami cerita rakyat Negeri Kelantan.

Tidak lupa juga penghargaan ini kami tujukan kepada kedua ibu bapa kami, kerana sentiasa mendoakan kejayaan kami disini. Mereka juga banyak memberi dorongan kepada kami dari segi rohani dan kewangan untuk menyiapkan tugasan ini.

Selain itu, kami juga ingin berterima kasih kepada rakan sekelas kami yang secara langsung dan tidak langsung memberi pandangan dan pendapat mengenai tajuk yang kami pilih iaitu Ulik Banda. Sebelum menutup bicara, kami ingin menyampaikan sekalung terima kasih kepada sesiapa yang terlibat dalam menjayakan tugas yang diberi. Kesudian anda amat kami hargai.

Sekian.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi wawancara sejarah lisan bersama Encik Awang Darus bin Awang Hamat iaitu seorang pegawai penjara di Pengkalan Chepa, Kelantan dan juga merupakan seorang aktivitis teater dan budaya Kelantan. Di dalam transkrip ini menceritakan tentang latar belakang beliau dan keluarga serba sedikit. Beliau merupakan seorang pemulihara kepada permainan tradisional Kelantan iaitu Ulik Banda dan telah terlibat sejak tahun 1987 sehingga sekarang. Permainan tradisional Ulik Banda ini mempunyai kisah tersendiri yang berhubung kait dengan keturunan Raja Jembal dan kehilangan Puteri Sa'adong. Pengalaman beliau sepanjang tempoh terlibat dalam permainan Ulik Banda ini turut dikisahkan dalam transkrip ini. Selain itu, beliau turut menceritakan mengenai permainan Ulik Banda ini dengan lebih mendalam lagi memandangkan permainan ini tidak diketahui umum malah masyarakat Kelantan sendiri tidak mengetahui mengenai permainan ini yang kian pupus. Beliau menceritakan tentang latar belakang dan sejarah permainan, komponen-komponen yang terdapat dalam permainan seperti peserta dan penonton yang terlibat dan juga cara permainan ini dijalankan. Di dalam transkrip ini juga, beliau turut memberikan cadangan dan harapan kepada generasi muda terutamanya untuk memulihara permainan tradisional Kelantan ini iaitu Ulik Banda yang tidak diketajui umum dan semakin pupus ditelan zaman.*

**Kata kunci:** *Ulik Banda, pemulihara, cadangan, harapan*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Pengalaman dan Asal-usul Permainan.....	07
Bahagian 3: Komponen dan Kaedah Permainan.....	37
Bahagian 4: Cadangan dan Harapan.....	53
Lampiran	
Log Wawancara.....	62
Diari Kajian.....	65
Senarai soalan.....	69
Surat Perjanjian.....	76
Gambar.....	77
Indeks.....	80



# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



**Rajah 1: Encik Awang Darus**

Nama penuh	: Encik Awang Darus Bin Awang Hamat
Tarikh lahir	: 17 Januari 1963
Tempat lahir	: Kg Gong Datuk, Pasir Puteh
Umur	: 53 Tahun
Pekerjaan	: Pegawai penjara di Pengkalan Chepa, Kelantan (juga sebagai aktivis teater dan budaya Kelantan)
Tahap pendidikan	: Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)
Status	: Berkahwin
Bilangan anak	: 6 orang
Mula menceburi Ulik Banda	: Tahun 1987 sebagai pemulihara
Prinsip	: Menghidupkan kembali permainan Ulikbanda yang sekian lama ditinggalkan dan hampir pupus

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Ulik Banda merupakan permainan tradisional masyarakat Kelantan pada suatu masa dahulu yang menggunakan pantun yang dilagukan dan hanya tepukan tangan oleh ahlinya. Hanya tepukan tangan yang menjadi tempo bagi setiap lagu yang dinyanyikan untuk memulihkan semangat. Permainan Ulik Banda juga sebenarnya lebih dikenali sebagai kaedah pengamalan perubatan secara tradisional Kelantan yang hampir pupus dan dilupakan pada hari ini. Namun, Ulik Banda masih diamalkan oleh penduduk dan masyarakat Melayu Kelantan yang menetap di kawasan Kampung Gong Datuk, Pasir Puteh. Pengamalan permainan atau budaya ini merupakan kaedah lama untuk memulihkan semangat pesakit dengan hanya menggunakan pantun yang dilagukan dan dikatakan hampir sama permainan atau persembahan seperti permainan puteri tetapi Ulik Banda lebih ringan dan santai.

Ulik Banda dikatakan dibawa ke Kampung Bunut Rendang di Gong Datuk oleh keturunan Raja Jembal tetapi tiada siapa yang tahu mengenai pengasasnya, pencipta pantunnya dan bila ia mula dimainkan. Namun begitu, usaha untuk memulihara dan mengekalkan permainan ini dijalankan dengan membuat sedikit pengubahsuaian iaitu dengan menukarkan bahasa klasik pantun asal yang sukar difahami serta menambahkan unsur teater supaya ia jadi lebih segar dan sesuai mengikut peredaran masa.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang pendahuluan, latar belakang tokoh, permainan Ulik Banda, komponen-komponen dalam Ulik Banda dan yang terakhir adalah mengenai pendapat atau harapan pencerita terhadap permainan Ulik Banda ini. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

EAD : Encik Awang Darus  
SNM : Siti NurNadia Musa  
SZZ : Siti Zuleha Zakaria

## BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH

**SNM : (Bunyi penghawa dingin berterusan sepanjang sesi menemuramah)**  
**Assalamualaikum encik. Saya Siti NurNadia binti Musa dan kawan saya**  
**Siti Zuleha binti Zakaria. (Suara orang berbual). Kami dari UiTM**  
**[Universiti Teknologi Mara] Machang, Kelantan hendak temuramah encik**  
**tentang Ulik Banda. Ini untuk keperluan IMR enam kosong empat (604)**  
**Pendokumentasian Sejarah Lisan. (Bunyi kerusi dihentak). Jadi saya**  
**hendak tanya soalan dekat encik. Apakah nama penuh encik?**

**EAD : (Bunyi orang berjalan) Nama saya Awang Darus bin Awang Hamat. H-A-M-A-**  
**T. Awang Hamat.**

**SNM : Umur encik sekarang?**

EAD : Umur muda lagi. *Tiga puluh lima* [35]. Maaf. *Lima puluh tiga* [53]. (Ketawa)

**SNM : Bilakah encik dilahirkan dan di mana?**

EAD : Saya dilahirkan di sebuah kampung iaitu nama kampung Kampung Gong Datuk, Pasir Puteh, Kelantan pada *lima puluh tiga* [53] tahun yang lalu pada tanggal *tujuh belas* [17] Januari *sembilan belas enam puluh tiga* [1963].

**SNM : Encik tinggal di mana?**

EAD : Saya tinggal sekarang saya kerana saya bekerja di Kota Bharu di Pengkalan Chepa jadi saya tinggal di Pengkalan Chepa tapi di kampung saya tetap baliklah seminggu sekali kadang-kadang atau dua minggu sekali ke Pasir Puteh di Kampung Gong Datuk.

**SNM : Kalau boleh saya tahu dimanakah pendidikan awal encik, maksudnya encik sekolah dekat mana dahulu? (Suara orang berbual)**

EAD : Saya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Gaal, Pasir Puteh, Kelantan dekat dengan kampung saya.

**SNM : Tahap pendidikan tertinggi encik?**

EAD : Tahap STPM. [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia]

**SNM : Adakah encik masih bekerja? Encik bekerja sebagai apa?**

EAD : Saya bekerja sebagai Pegawai Penjara di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan.  
(Suara orang berbual)

SNM : **(Suara orang berbual) Selain dari pekerjaan tetap, adakah encik bergiat sebagai aktivis?**

EAD : Saya bergiat sebagai aktivis teater dan penulisan di Kelantan ini dan berbagai-bagai jenis kebudayaan lagi. Kalau hendak sebut dari segi NGO [Non Government Organization], saya menganggotai (bunyi kerusi dihentak) satu, ahli Persatuan Seniman dan Penulisan Kelantan [PUSPA]. Yang kedua, saya juga Ahli Jawatankuasa Majlis Teater Negeri Kelantan [TEMA]. (Suara orang berbual) Saya juga ahli jawatankuasa Persatuan Seni Silat Jatuh Kelantan [SETAJA] dan saya juga ahli NGO [Non Government Organization] Majlis Tindakan Rakyat Kelantan [MTRK]. Itu saja yang saya ingat. Mungkin ada lagi tetapi saya tidak ingat.

SNM : **Kemudian, status perkahwinan encik? Kalau boleh saya tahu, siapakah nama isteri encik?**

EAD : Nama isteri saya Zuliha binti Mohamad. Zuliha. Z-U.

SNM : **Berapakah bilangan anak encik? Maksudnya berapa lelaki dan berapa perempuan?**

EAD : Anak saya yang kira yang dahulu. Yang dahulu, enam orang. Baru enam orang.



(Suara orang berbual)

**SNM : Berapa lelaki?**

**EAD : Lelaki dua orang.**

**SNM : So [Jadi], ada ke tidak anak encik yang berminat juga untuk melibatkan diri dalam permainan Ulik Banda ini?**

**EAD : Yang dalam permainan Ulik Bonda [Ulik Banda], saya tidak pasti tapi salah seorang anak saya tadi juga ada terlibat dengan Bengkel Penulisan Puisi ini. Yang kecil [bongsu] itu dan anak saya yang ketiga juga pernah melibatkan diri dalam bidang lakon layar sebagai pelakon drama TV [televisyen] sekali dengan saya juga dan juga pernah terlibat dalam lagu puisi dan pembacaan puisi. Jadi beliau juga pernah mewakili negeri Kelantan ke Pertandingan Lagu Puisi Peringkat Kebangsaan dua tahun berturut-turut peringkat negeri Kelantan iaitu sekali di Labuan, dan sekali di Sabah. (Suara orang berbual) Maknanya saya nampak dia sajalah yang ada, ada iras-iras yang ikut jejak saya. Sekarang sedang menuntut di Sains Perikanan di Universiti Malaysia Terengganu.**

**SNM : Adakah encik pernah ditemuramah mengenai permainan Ulik Banda sebelum ini?**

**EAD : Ada, cuma oleh itulah yang saya cerita tadi daripada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Kelantan dan juga oleh kakitangan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian**

Negara, Negeri Kelantan.

**SNM : Yang penemuramah encik dari Jabatan Kesenian itu dia dari agensi kerajaan ke?**

**EAD : Ya.**

**SNM : Jadi, tujuan mereka menemuramah encik? Macam pelajar UMK [Universiti Malaysia Kelantan] itu untuk tujuan apa?**

**EAD : Saya tidak pastilah tapi pasal mereka pun apabila datang itu sebuah kereta sekali dengan Pegawai Kebudayaan sekali. Mungkin tidak tahulah untuk apa-apa kajian mungkin untuk melengkapkan kerja-kerja panggil apa itu, saya pun tidak pandai hendak sebut. Tesis ke? Melengkapkan kerja-kerja kuliah mereka.**

**SNM : Yang pegawai dari jabatan itu?**

**EAD : Jabatan itu mungkin untuk kaji selidik yang berkaitan dengan tugas-tugas sebagai Pegawai Kebudayaan barangkali.**

**SNM : Apakah pencapaian atau anugerah yang pernah encik peroleh sepanjang terlibat dalam Ulik Banda ini?**

**EAD : (Fikir) Kalau sepanjang terlibat dalam Ulik Banda itu saya sebenarnya tidak peroleh apa-apa tapi penglibatan saya dalam bidang seni dan kebudayaan, saya pernah dianugerahkan oleh Menteri Kebudayaan dan Kesenian Negara yang**

masa itu Tan Sri Rais Yatim, Datuk Seri Rais Yatim jadi pernah memberi anugerah kepada saya sebagai Aktivis Budaya Negeri Kelantan berupa sijil penghargaan dan computer riba.

**SNM : Pada tahun berapa yang encik dapat anugerah tersebut?**

**EAD :** (Fikir) Dekat-dekat pilihanraya itu tahun berapa? Dekat pilihanraya. Saya pun tidak ingat. *Dua ribu sebelas* [2011] atau *dua ribu tiga belas* [2013]? Dekat atau sebelum pilihanraya lagilah. Sebelum pilihanraya itu. Saya pun tidak pasti tahun berapa. Tapi maksudnya masa itu (2011 atau 2013) yang berhormat menteri [Datuk Seri Rais Yatim] masih menjawat Menteri Kebudayaan, Kesenian Negara lagi.

**SNM : (Bunyi kerusi ditolak) So [Jadi], apakah perasaan encik apabila mendapat anugerah ataupun penghargaan tersebut?**

**EAD :** Saya rasa dihargailah dalam bidang saya. Ada juga orang daripada bidang kebudayaan maksudnya dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan khususnya negara Kuala Lumpur [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kuala Lumpur] menghargai apa yang saya buat selama ini. Seni untuk rakyat.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2 : PENGALAMAN DAN ASAL-USUL PERMAINAN**

**SNM : Selepas itu, sejak bilakah encik menceburkan diri dalam permainan ini?  
Pada usia berapa ataupun tahun berapa?**

**EAD :** (Suara orang berbual) Sebenarnya penglibatan saya dalam bidang kesenian dan teater bermula pada zaman awal persekolahan--zaman awal tamat persekolahan saya iaitu pada *tahun lapan puluh satu* [1981]. Pada peringkat awal sebenarnya saya juga menulis di radio. Jadi menulis cerita pendek berupa karangan, jadi masa itu di radio seluruh Malaysia terutamanya Radio Malaysia Kelantan memberi ruang untuk bakat-bakat baru menampung hasil-hasil karya seperti puisi, cerpen, cerita-cerita pendek, drama radio. Jadi kami, saya sendiri daripada masa itu merupakan kira bakat barulah. Jadi kita ini mengasah bakat, menjadi satu ruang untuk kita mengasah bakat di situ. Jadi kita rasa seronok. Dan bermula dari situ saya pun lebih pergi lagi sehinggalah pada *tahun lapan puluh empat* [1984], saya menjadi wakil bagi (bunyi barang jatuh) negeri Kelantan ditaja oleh kebudayaan [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan] masa itu [1984] untuk saya dihantar ke Kursus Pengarahan dan Penerbitan Drama di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Jadi itu merupakan saya rasa satu peluang yang amat baik untuk diri saya sendiri kerana aktivis yang paling muda pada masa itu. Pada tahun *lapan puluh empat* [1984].

**SNM : Jadi, sudah berapa lama encik terlibat dalam Ulik Banda ?**

EAD : Kalau Ulik Banda, sebenarnya Ulik Banda ini saya melihat dari saya kecil lagi sebab orang kampung saya yang main Ulik Banda ini. Tapi masa itu kita lihat sebagai salah satu permainan sahaja. Tidak, tidak cuba hendak buat sendiri. (Bunyi kerusi ditolak) Tapi apabila sudah saya dewasa saya libatkan diri saya dengan banyak bidang kebudayaan, kesenian dan penulisan, jadi saya terfikir suatu masa nanti macam manalah kalau Ulik Banda ini sendiri diangkat ke pentas untuk ditontonkan kepada masyarakat Kelantan kerana ianya lahir di sini (Kampung Gong Datuk, Pasir Puteh, Kelantan). Ianya lahir di kampung saya (Kampung Gong Datuk, Pasir Puteh, Kelantan. Kenapa saya sendiri sebagai aktivis budaya tidak mengangkat benda ini. Jadi mulai pada tahun *sembilan belas lapan puluh lapan* [1988], pertama kali saya angkat Ulik Bonda (Ulik Banda) ini ke pentas di Pusat Bahasa Arab Nilam Puri, Universiti Malaya bersempena dengan Majlis Penyampaian Anugerah Penulisan Cerpen [GAPENA] yang dianjurkan oleh Persatuan Seniman dan Penulisan Kelantan [PUSPA]. (Bunyi kerusi disusun dan penyapu jatuh ke lantai)

**SNM : Siapakah atau apakah faktor yang mendorong encik untuk terlibat dalam Ulik Banda ini?**

EAD : (Bunyi kerusi disusun dan penyapu jatuh ke lantai) Saya tidak rasa dari faktor yang luar biasa kerana ianya lahir di depan mata saya sendiri dan lagu-lagu itu merupakan siulan kami para remaja pada masa itu. Kita tidak banyak lagu-lagu moden macam sekarang ini. Jadi, kita duduk di kampung pada masa itu kita

dengar orang nyanyi lagu-lagu yang saya bagi itu [Lagu Ulik Banda]. Jadi itulah di antara lagu-lagu yang berselang-seli dengan lagu moden lagu-lagu kontemporari yang ada sekarang ini. Jadi menyebabkan saya sendiri pun rasa terkilannya kalau Ulik Bonda (Ulik Banda) ini mati pada suatu masa nanti. Maka saya ambil inisiatif saya sendiri dengan peluang yang ada saya cuba hidupkan sedikit demi sedikit sampailah sekarang ini kalau ada permintaan saya setuju juga buat.

**SNM : Saya hendak tahu apakah peranan encik dalam Ulik Banda ini?**

**EAD** Sebagai pelapis, saya meneruskan aktiviti Ulik Banda ini sebagai penggeraklah di peringkat kampung saya (Kampung Gong Datuk, Pasir Puteh, Kelantan). Saya mengumpulkan masyarakat-masyarakat para remaja yang berminat untuk sama-sama berkumpul dan kita cuba mainkan Ulik Banda ini dengan ditunjuk ajar oleh mereka-mereka ataupun orang-orang tua yang dahulu yang lebih tahu. Jadi kita tidak meminggirkan mereka. Jadi kita ambil dan dengar pendapat macam mana lagu ini, macam mana bunyinya, macam ini macam mana. Jadi kita tidak pinggirkan. Jadi di kampung saya (Kampung Gong Datuk, Pasir Puteh, Kelantan) itu memang adalah tokoh-tokoh yang kiranya uzur sangat tidak boleh sudah hendak main. Tapi kalau kita tanya dia, dia pun bersemangat nak bercerita begitu begini. Jadi saya sebagai penggerak dalam permainan Ulik Banda dan sebagai pengkaji dalam itu sendiri.

**SNM : Apakah matlamat ataupun prinsip encik? Maksudnya dalam Ulik Banda ini adakah encik mempunyai matlamat atau prinsip encik sendiri?**

EAD : Begini, saya berfikir kalau kita tengok di Terengganu hanya satu lagu Ulik Mayang sahaja tapi boleh terkenal ke seluruh Malaysia. Tapi kenapa dalam lagu Ulik Bonda (Ulik Banda) yang saya sentuh yang awak pun tengok berbagai-bagai lagu itu tapi satu pun tidak diangkat dan dijadikan sebagai satu yang popular. (Bunyi orang berjalan) Saya suka kalau ada penyanyi-penyanyi ke ataupun komposer-komposer buat kajian lagu ini dan ambil lagu ini sebagai lagu moden disusun olah semula muzik jadikan ianya lebih sedap didengar, lebih enak jadinya ia terkenal. Tapi sampai sekarang lagu ini masih tercorot. (Bunyi kerusi disusun) Itu matlamat saya. Sampai sekarang tidak ada. Jadi hari itu saya harap-harap Pegawai Kebudayaan yang *interview* [temuramah] penuh hari itu pun tidak dapat angkat benda ini (Ulik Banda) ke atas. Tapi sampai sekarang pun saya tengok rasa kecewa jugalah. Tidak ada apa-apa lagi.

**SNM : Jadi, boleh tidak encik ceritakan sedikit tentang permainan Ulik Banda ini? Contohnya dari mana asalnya permainan ini?**

EAD : Saya difahamkan oleh pemain-pemain yang dahulu kononnya permainan ini berasal daripada rasa kecewa rakyat yang ditinggalkan oleh Puteri Sa'adong yang pergi ke Siam mengorbankan diri supaya tidak berlakunya pertumpahan darah di antara rakyat negeri Kelantan dan rakyat Siam masa itu. Jadi dengan kepergian Puteri Sa'adong ke Siam maka rakyat-rakyat yang tinggal di dalam

negeri ini berasa teramat kecewa kerana adanya raja tidak peduli kepada rakyat. Jadi maka disitulah lahirnya apa itu suasana yang sedih maka berlakulah ulik. Jadi ulik itu sendirinya sementara lena. Jadi sementara lena, sementara nak tidur (bunyi penyapu jatuh ke lantai) jadi apa kata kalau kita main lagu ini kita nyanyikan lagu ini beramai-ramai. Kita mengulik beramai-ramai. Lepas itu daripada situ lahirnya siapa yang hendak jadi anak yang hendak ulik ini. Seperti contohnya seorang ibunya mengulik anak. Maka itu dia lahirnya perkataan Ulik Bonda tapi kita sebut Ulik Banda dalam istilah Kelantan. Sebenarnya cerita ini seorang ibu mengulik anak ataupun duduk dalam ramai-ramai kumpulan sambil menyanyi, menyanyi itu mengulik. Dalam bahasa yang lain Kelantan menyanyi itu adalah mengulik. Dengar lagu-lagu yang melankolik mendayu-dayu. Jadi dibawa oleh kerabat Diraja Jembal mari ke kampung saya (Kampung Gong Datuk, Pasir Puteh, Kelantan) di Kampung Gong Datuk maka dikembangkan permainan ini pula di Kampung Gong Datuk dan terkenal bagi daerah Besut dan Pasir Puteh kerana pelopor-pelopor awal setengahnya pergi ke Besut iaitu di Hulu Besut (Besut, Terengganu). Saya tidak dapat kesan lagi yang di Besut sama ada masih ada lagi aktiviti-aktiviti di kampung saya ataupun sudah hilang.

**SNM** **Jadi, pada tahun berapa asalnya permainan Ulik Banda ini?**

**EAD** : Kalau hendak kira tahun, saya sendiri pun tidak pasti (suara orang berbual) tapi kita menjangkakan ianya lebih dahulu daripada permainan dikir barat, lebih dahulu daripada permainan-permainan yang lainlah iaitu macam Peteri



(Permainan Puteri), mungkin ia seangkatan dengan permainan Peteri, Mak Yong dan Bagheh. Sebab kalau kita tengok pun ada unsur-unsur sedikit persamaan.

**SNM : Maknanya betullah permainan Ulik Banda ini dibawa oleh keturunan Raja Jembal? (Suara orang berbual)**

**EAD : Ya.**

**SNM : Dan ada kaitan dengan Puteri Sa'adong?**

**EAD : Ya.** Mana kehilangan ibu mana raja pada masa itu kemungkinan dianggap sebagai ibu negeri, ibu kepada rakyat. Jadi apabila ibu hilang jadi yang bersedih ini mereka pakat mengulik maka lahirnya lagu-lagu yang tidak tahu siapa yang cipta pantun itu. Saya cuma kaji sahaja, lagu yang sebenarnya entah betul entah tidak bunyi tidak tahu, mungkin kalau datang penulis yang kemudian hari ataupun pengkaji yang kemudian daripada saya ini mungkin dia "Eh salah ini, lain maksud lagu dia ini" mungkin juga, sebab bahasa-bahasa yang (bunyi barang jatuh) banyak yang kita tidak faham.

**SNM : Apakah nama sebenar bagi permainan Ulik Banda ini? Maksudnya nama yang betul?**

**EAD : Setakat ini saya tidak jumpa apa nama lain. Itu saja nama, Ulik Banda. Cuma yang kalau kita tengok mungkin yang sebenarnya permainan ini Ulik Bonda. Bonda ya. Tapi bonda bagi Kelantan dalam loghat Kelantan banda.**

**SNM : Dari mana asalnya perkataan Ulik Banda ini?**

**EAD :** (Bunyi kerusi disusun) Dia berasal dari perkataan bonda itu sendiri, dari apa yang saya tahu. Ibu ya, bonda.

**SNM : Maknanya ibu itu merujuk kepada ibu Puteri Sa'adong yang bersedih sebab kehilangan anak dia?**

**EAD** Ya, kehilangan anak dia.

**SNM : Jadi, tempat permainan ini mula-mula dimainkan?**

**EAD** Tempat yang mula-mula dimainkan saya tidak tahulah (bunyi barang jatuh) tapi dibawa daripada kerabat Jembal itu tadi ke Pasir Puteh di kampung saya, Kampung Gong Datuk itu. Kemudian dibawa lagi ke Hulu Besut dikembang ke Besut. Yang itu yang saya tahu, tempat yang mula-mula dimainkanlah. Tapi tempat hendak dimainkan benda ini adalah di tanah lapang. Di depan rumah di tanah lapang. Tidak sesuai main di atas rumah sebab dia (bunyi orang berjalan dan barang kerusi disusun) ada perlakuan-perlakuan yang agresif seperti dengan bersilat apa semua, adegan yang agresif yang sesuai dimain di tanah lapang di waktu malam seeloknya bulan cerah. Kalau mengharap ke lampu itu kecil. Dalam pentas siap yang berbentuk arena. (Suara orang berbual)

**SNM : Encik tahu tidak pada tahun bila permainan ini mula dimainkan?**

EAD : Kita kena tengok pada sejarah bila Puteri Sa'adong pergi ke Siam, (suara orang berbual) dibawa ke Siam. Saya pun tidak ingat sangat, tidak silap saya pada abad *ketujuh belas* [17]. Makna selepas itulah maka wujudnya kesedihan yang melahirkan lagu-lagu sedih melankolik selepas ketiadaan Puteri Sa'adong. (bunyi barangan besi di ketuk)

**SNM**      **Siapakah pencipta ataupun pengasas kepada permainan ini?**

EAD : Pencipta dan pengasas kita tidak tahu, kita tidak dapat tahu siapa pencipta sebenar lagu-lagu ini pasal dia mungkin lahir dengan rasa sedih dan rasa kecewa dan dinyanyikan beramai-ramai.

**SNM**      **Permainan ini menggunakan pantun?**

EAD : Menggunakan lagu dan pantun. Pantun itu adalah lagu-lagu.

**SNM** : **Siapakah pencipta pantun ini? Encik tahu ke tidak?**

EAD : Saya tidak tahu sebab saya tanya orang dulu-dulu pun dia pun tidak tahu siapa yang cipta sebab inilah kita panggil lagu rakyat. (bunyi barangan besi diketuk) Bukan lagu daerah ya, lagu rakyat. Jangan silap faham. Lagu daerah ini kita ada pencipta. Lagu rakyat ini lagu yang kita tidak tahu siapa yang mencipta. Jadi kita dengar, kita nyanyi. Tapi siapa produser, Adenan Abu Hasan ke, Awang Darus bukan. (Ketawa). Jadi maknanya lagu macam turun temurun. Jadi kita tidak boleh hendak mengakui "Lagu ini saya yang cipta", tidak boleh. Itulah

istilah lagu rakyat.

**SNM : Apakah tujuan sebenar permainan ini dalam masyarakat Kelantan?**

**EAD :** Tujuan yang sebenarnya dalam permainan ini ada (bunyi barang disusun) di antara kita yang mungkin rasa tidak sihat, rasa lemah tubuh, lemah semangat dalam istilah orang panggil lemah semangat ataupun tidak seghar. “Jadi apa kata malam ini kita saja-saja kita main Ulik Banda.” “Lepas itu siapa hendak ulik?” “*Demo [Awak] ulik kawe [saya] la. Kawe [saya] tidak seghar*”. (bunyi pinggan mangkuk kaca disusun) Kumpul ramai-ramai. Maksudnya waktu itu bulan cerah, tidak semestinya kalau dulu hendak bulan cerah macam mana tidak ada lampu. Tidak perlu bulan cerah tetapi di tanah lapang jugalah. Ataupun kalau hendak atas pentas kena pentas yang besar.

**SNM : (Bunyi pinggan mangkuk disusun) Maksud encik pada bila-bila masa sahajalah permainan ini boleh dimainkan?**

**EAD :** Bila-bila saja boleh. Tetapi sesuai pada waktu malam lagi kerana tidak panas.

**SNM Kenapa pilih malam?**

**EAD** Pasa tidak panas dan malam orang pun tidak pergi ke mana-mana, orang tidak ada yang bekerja, malam orang *relaks* [berehat]. (Bunyi pinggan mangkuk kaca disusun) Dulu-dulu orang sesuaikan dengan selepas musim menuai. Sinonim masa itu pasal orang buat padi ini lepas musim menuai orang kampung tidak

pergi ke mana. Jadi tidak ada hiburan. ‘Malam ini orang itu nak ulik orang ini’  
‘Siapa?’ ‘Tok Salleh’. Pergi rumah Tok Salleh. Nanti tuan rumah buat bubur kacang sikit sebagai juadah. (Ketawa)

**SNM : Maknanya tuan rumah itu ada sediakan makanan sampinganlah untuk ahli-ahli yang datang mengulik dekat rumah dia?**

Ya. Pasal orang dulu masalah makanan itu tidak jadi masalah sebab kita tidak mementingkan sangat, ala kadar macam itu je ataupun satu lagi itu apa itu yang saya pun tidak ingat, manis-manis itu onde-onde. (Ketawa). Jadi tidak jadi masalah sebab orang dulu-dulu kita banyak beras, beras banyak tepung banyak cuma duit tidak ada. Dan kita kaya dengan benda macam itu.

**SNM : Boleh tidak encik--, permainan Ulik Banda ini mempunyai elemen persembahan, maksudnya boleh tidak encik ceritakan persembahan itu jenis yang macam mana?**

**EAD : Macam mana? Saya tidak dapat lagi.**

**SNM Dalam Ulik Banda ini ada elemen persembahan. Maksud saya bila ada rawatan itukan persembahan yang tepuk-tepuk tangan itu, macam mana persembahan itu dilakukan?**

**EAD : Mula-mula? Mula-mula persembahan itu seorang anak bonda yang kita ulik itu duduk dalam keadaan tidur terlentang. Jadi kita awak-awak ini akan duduk**

dalam keadaan bulatan mengelilingi anak bonda yang kita ulik itu, pembawa lagu ataupun orang yang lebih hafal lagu itu bertidak sebagai macam Juara jugalah. Pasal kita, dia tidak juara sangat, dia lebih kepada orang yang menyusun permainan itu selepas lagu ini lagu ini. Selepas lagu A lagu B, lagu B lagu C. jadi kita tidak boleh lepas lagu A ke lagu Z. Jadi pada peringkat pertama ini dia ditidurkan lepas itu kita sudah nanyikan lagu yang pertama itu. Lagu apa lagu yang pertama itu, saya pun saya tidak ingat tidak tengok seni kata itu. Tidak buat cetakan? (Suara orang berbual ) (Menyanyi) Cak kelok mak bujang bonda, turun bonda menimang anak, anak bonda berapa orang, mati sorang tinggal dua. Maksudnya dia akan nyanyi lagu ini beramai-ramai lepas itu diringi dengan tepuk tangan (bunyi tepuk tangan) berulang-ulang sehinggalah pada satu masa itu ketua daripada yang saya panggil Juara tadi akan ubah kepada lagu lain pula. (Bunyi kerusi disusun). Seterusnya lagu apa itu? - Itu lagu yang pertama. (Menyanyi) Nak umbuk ku beri umbuk, nak umbuk seludang nyiur. Ini lagu lain pula. Ini lagu yang kedua pula. Kita bawa beramai-ramai. Dia mula lagu itu yang saya kata Juara tadilah. Lepas itu yang lain akan ikut sekali, sekali diringin dengan tepuk tadi. (Menyanyi) Nak umbuk seludang nyiur, nak sambut ku beri sambut, nak sambut bela bertanya. Lepas itu-beberapa kalilah. Masa peringkat kita itu peringkat dia duduk tidur lagi itu. Tapi dia dengar duduk perhati lepas itu pergi dua tiga kali, tengok pada kehendak semasalah berapa kali kehendak tukang Juara itu berapa kali setiap lagu itu hendak diulang. Lepas itu lagu yang ketiga pula. (Menyanyi) Cak lok lan papan jatuh, nak buai si paku buai, anak

bonda bagai diatur, tubuh bonda terkulai balai. Tubuh bonda *terkulai balai* [lemah gemalai] ini maksud menari, lemah gemalai. Awak kena tanya orang Kelantan yang duduk sekali dengan awak ini kalau tidak awak terjemah maksud lain. (Ketawa). Terkulai balai makna lemah gemalai menari. Tapi di sini sebenarnya saya tidak ingat ini susunan yang salah ini. Saya sebenarnya saya belek-belek jumpa yang ini. Yang ini sebenarnya yang lama ini. Ia ada yang lebih baik daripada ini saya susun semula, tapi macam yang saya cakap tadi jugalah fail mana tidak tahu. Kalau ada nanti saya cuba pos sebab susunan saya susun tidak betul yang ini. Lagu itu betul, susunan itu tidak betul. Susunan permainan itu tidak betul. (Menyanyi) Kacang ayak si kacang endang, kacang pahit dalam padi, sudah terlenggok sudah terlenggang, orang baik bangun menari. Saya rasa yang ini duduk nombor--.. Selepas dia bangun balik itu dia jadi terkulai-balai. Susunan ini tidak betul sebab tengok banyak pembetulan itu. Hari itu saya segera terjumpa yang ini. Tapi lagu dia betul cuma susunan dia itu. Itu sudah berapa lagu sudah tadi? (Suara orang berbual) *Empat* [4] irama yang berbeza. (Menyanyi) Cenggok ceng, sulat bunga lada, temu hantu kucing bersilat dengan Pak Da. Masa ini dia bangun bersilat, ini perlukan teman lakon untuk hendak lawan dia bersilat. Bila dia bersilat ini dia agresif, orang lelaki dengan kuasa dia yang separuh sedar jadi lawan silat dia itu kena pandai bersilat.

**SNM**      **Maknanya anak banda yang dirawat itulah yang akan bangun bersilat?**

EAD : Ya, bangun bersilat. Bila kita bawa lagu ini (Ceng gok ceng sulat bunga lada, temu hantu kucing bersilat dengan Pak Da) dia bersilatlah.

**SNM : Macam mana dia boleh bersilat sedangkan diakan baring?**

EAD : Tadi kita tengok yang masa---. Mula-mula dia tidur lepas itu dia bangun macam (Membaca pantun) Cak lok lan papan jatuh, nak buai si paku buai, anak bonda bagai diatur, tubuh bonda terkulai balai. Masa inilah dia mula bangun. Dia mula bangun duduk *bercokah* [duduk dari baring] dulu. Tahu ke duduk cokah? Daripada tidur bangun duduk cokah. Lepas itu bangun lepas duduk cokah itu dia akan nyanyi lagi (Membaca pantun) Turun ke becak mengail bujuk, sentak berdengung punca tali, apa sudah bonda ku duduk, bingkas bangun serta menari. Daripada dia duduk tadi bila dia dengar lagu bingkas bangun serta menari maka dia akan bangun menari dulu. (Suara orang berbual) Lepas itu dia menari tanda itulah. Tapi kita suruh dia menari molek. Nampak ada unsur-unsur seni tari. (Membaca pantun) Cak titi ketila uk, udang bonda di balik ebek, manari sekucar la uk. Sekucar la uk ini yang menari kok si ini maksudnya menari yang tidak ada maksudnya.

**SNM : Maksudnya tidak ada pergerakan yang spesifik?**

EAD : Ya. (Suara orang berbual, penyapu jatuh ke lantai)

**SNM : Ikut suka dia sahajalah?**



EAD : Ya, ikut suka dia saja. Jadi kita hendak suruh dia menari dengan elok, kita kena nyanyi (Menyanyi) Cak titi ketila uk, udang bonda di balik ebek, manari sekucar la uk, menari semolek-molek. Makna menari semolek-molek ini kita perintah dia supaya menari moleklah, barulah dia akan menari molek. Molek pun dia tidak pandai menari, maknanya ada nampak macam orang menarilah. Sebelum itu dia bergerak sana sini dulu. Selepas itu apabila kita sudah puas tengok dia menari, kita suruh dia bersilat pula. Itu dia jadi (Membaca pantun) Ceng gok ceng, sulat bunga lada, temu hantu kucing bersilat dengan Pak Da. Dia akan bersilat. Selepas itu kita hendak suruh selepas kita sudah *cemuh* [bosan] tengok dia bersilat itu, kita mahu suruh dia menjadi kita hendak dia bermain sedikit dengan penonton. Penonton ini ada kalangan remaja, wanita kalau di kampung itu memang penuhlah. Selepas itu, satunya benda ini jarang-jarang dimainkan. Yang kedua, di kampung saya itu semua sudah besarkan jadi mereka tidak tahu. Jadi kita mainkan lagu (Membaca pantun) Pinang gak muda. Saya tidak menyanyi, saya sebut pantun dia (Menbaca pantun) Pinang gak muda, luruh atas pusu, temu anak dara, minta jamah dagu. *Hok* [yang] sebenarnya pantun ini bukan jamah dagu tetapi jamah susu. Tetapi saya tengok kalau hendak bawa ke pentas kena marah dengan orang saja nanti. Pasal kadang-kadang benda ini dibawa ke pentas dengan iringan muzik dikir barat. Tetapi boleh bawa ini, ikut terlintas saja. Sebab dengan iringan dikir barat. Minta jamah dagu, sebenarnya minta jamah susu. Jadi di sini orang yang kena ulik itu mencari anak dara. Di sinilah akan berlaku pertempiran yang lari ke sana ke sini sementara hendak

menyembunyikan diri. Jadi apabila kita sudah nampak keadaan itu agresif sangat, kita ubah ke lagu lain pula. Kita ubah ke lagu (Menyanyi) Anak tiung didit, makan bunga lalang, minta hidung sikit, nak buat bekal berjalan. Daripada duduk jauh itu hendak menyambut hidung pula. Ini permainan. Jadi permainan itu dia jadi meriah. Masa itu penonton tidak lari jauh, lari macam itu saja. Jadi apabila sudah nampak agresif, (suara orang berbual) lagu itu ibarat tali yang menarik. Maksudnya lagu itu kita ubah kepada lagu lain. Dia secara automatik apabila ubah lagu itu yang tengah kejar anak dara itu apabila sudah ubah lagu itu dia berhenti.

**SNM : Maknanya nanti lagu itu digunakan tadi sebagai untuk macam sedarkan atau *control* [mengawal] dia?**

Ya, mengawal. Selepas itu lagu ini sekadar banyak lagi sebenarnya lagu-lagu yang tidak letak. Kalau awak tengok kertas kajian itu, lagu yang ini betul sudah cuma yang penambahan tidak ada. Lagi satu, permainan ini macam permainan orang miskin. Orang miskin itu duduk macam peminta sedekah. Kita bawa lagu (Membaca pantun) .Burung tebig burung belatuk, anak seluang dalam cawan, minta tabik segala datuk, tok fakir nak minta sedekah. Tahu tok fakir? Tok fakir ini peminta sedekahlah. Orang Kelantan panggil peminta sedekahlah. Fakir miskin. Tok fakir minta sedekah dulu-dulu di kampung ini dengan pakaian robek koyak sana koyak sini \_ \_ \_ dengan rambut kerinting tidak mandi, jadi watak itu dia akan buat. Dengan sendiri dia akan jadi watak itu. Watak peminta

sedekah itu. Dengan ataupun dia ada capek (jalan tidak betul). Jadi dia minta sedekah dengan orang ramailah. Dia bawa tangan. Selagi kita nyanyi selagi itu dia akan berwatak ber *action* [aksi] sebagai peminta sedekah. Sampailah kita ubah kepada lagu lain. Kita hendak suruh dia main Mak Yong. Sebab itu saya rasa permainan ini seangkatan dengan main Mak Yong. Pasal sudah ada dalam lagu ini (Membaca pantun) Burung tebig burung belatuk, anak tiung dalam buyung, minta tabik segala datuk, tengok tuan bermain mak yong. Dia hendak main Mak Yong. (Bunyi kerusi ditarik). Dia hendak main Mak Yong kena berhenti sebentar lagu itu. (Bunyi kerusi ditolak) Dia pun panggil “Awe, awe oi”. Permainan Mak Yong lah. Biasa tengok orang main Mak Yong? Jadi *hok* [yang] teman yang bersilat tadi akan bertindak sebagai watak perang dalam Mak Yong. Dalam permainan Mak Yong dia ada watak perang. Selepas itu dia akan bercakap dalam Bahasa Mak Yong. Sampailah ketua Tok Juara tadi ubah lagu. Lagu yang terakhirnya selepas dia sudah puas buat main dalam lebih kurang satu jam kita pun tengok berpeluh sudah anak bonda jadi sebagai penyudah dia mainkan lagu wajib dia lagu Cak kelok amk bujang bonda lagu *introduction* [permulaan] dan lagu yang wajib terakhir adalah lagu (Membaca pantun) Jangan tongkat pisang nak tumbang, biar tumbang sendiri dia, jangan sekat tuan nak pulang, pulang pulih sediakala. Dia dengar lagu itu sahaja untuk memulihkan dia. Tidak ada jampi, tidak ada mentera. Itu yang dikata pelik. Kalau jeinis macam Bagheh, Peteri (Permainan Puteri) itu semua ada jampi belaka *dok* [tidak]. Main Peteri tok bomoh duduk atas belakang baca apa pun tidak tahu tapi

ini tidak ada.

**SNM : Cuma digunakan pantun yang dilagukan dalam elemen persembahan ini?**

**EAD : Ya, dalam elemen persembahan. Makna berbagai pantun berbagai persembahan berbagai adegan bergantung kepada lagu.**

**SNM : Setiap lagu itu dia ada pergerakan sendiri?**

**EAD : Ya, ada lakonan dia tersendiri.**

**SNM : Kiranya permainan Ulik Banda ini cuma wujud di daerah Pasir Puteh sahaja ke ataupun ada dekat tempat lain juga?**

**EAD : Di Besut, Terengganu pernah ada, Pasir Puteh dan Besut.**

**SNM : Di Besut pun sama jugalah macam mana dimainkan di Pasir Puteh?**

**EAD : Ya, sebab datang dari keturunan yang sama (kerabat Diraja Jemba) juga. Daripada kerabat yang sama.**

**SNM : Tadi encik ada cakap yang dalam Mak Yong ada watak bahasa Mak Yong itu ada maksud yang tersendiri ke?**

**EAD : Pengucapan dia sendiri. Bahasa Mak Yong macam mana itu. Masa dia melakukan Mak Yong itu sendiri dalam cara dia tidak sedar dia boleh bercakap dalam bahasa Mak Yong. Apabila kita berhenti lagu itu, dia kata hendak main**

Mak Yong itu biarkan saja. Jadi dia akan bermain Mak Yong dengan perang yang kita bagi dia bersilat tadi. Makna seorang ke *dua* [2] orang bersedia untuk jadikan teman lagu dia. Pasal kita tidak tahu kadang-kadang dia terlebih ke atau silap mana hendak pergi silap ke arah lain ke, yang *dua* [2] orang inilah menahan dia supaya dia tidak terlebih dan kawal dia.

**SNM : Permainan Ulik Banda ini dikatakan diubah mengikut kesesuaian. Boleh tidak encik jelaskan mengapa Ulik Banda ini diubah mengikut kesesuaian?**

**EAD :** Sebab satunya, kita hendak bawa ke pentas jadi di pentas itu mungkin kita terpaksa berhadapan dengan pentas yang betul-betul \_ ataupun teras. Jadi pentas-pentas macam ini tidak sesuai dengan Ulik Bonda (Ulik Banda). Ulik Bonda paling sesuai dengan pentas yang berbentuk arena. Pentas bulat. Jadi kalau kita hendak main juga dekat pentas yang berbentuk teras ataupun pentas berbentuk \_ kita kena ubahlah dari segi kedudukan awak-awak sebelah mana. Selepas itu kita kena kawal permainan ini takut pentas terlalu tinggi tidak sesuai, takut berlakunya jatuh sebab tempat-tempat begini ada yang agresif. Kalau kita sesuaikan dengan pentas yang berbentuk persegi kita terpaksa buanglah adegan-adegan seperti silat, kejar-mengejar dengan penonton sebabnya mungkin yang hadir hari itu bukan yang orang kampung kita. Mungkin dif-dif kehormat jadi dia hendak pergi jamah dagu jadi tidak sopanlah. Pergi jamah hidung itu jadi tidak sopanlah. Jadi kita terpaksa sesuaikan mengikut kehendak semasa.

**SNM : (Suara orang berbual) Apakah perubahan yang dilakukan dalam permainan Ulik Banda ini? Boleh encik bagikan contoh?**

**EAD :** Perubahan yang amat ketara macam yang saya cakap tadi dari segi persembahan itu kita ubah dari segi pantun. Pantun yang berupa agresif yang sesuai dimainkan di kampung pun kita tidak mainkan di pentas. Kita tidak mahu berlaku perkara-perkara yang tidak sopan.

**SNM : Selain daripada pantun, ada tidak lagi elemen yang diubah?**

**EAD :** Saya pernah masukkan elemen isu-isu semasa di dalam permainan Mak Yong yang dimainkan Ulik Bonda (Ulik Banda) itu sendiri. Waktu anak bonda hendak bermain Mak Yong kita masukkan unsur-unsur semasa. Pernah saya masukkan isu berkenaan dengan dadah dan masyarakat kampung. Dalam permainan Mak Yong itu kita boleh pelbagaikan jadi kita bagi ruang dekat anak bonda dengan teman lakon dia yang seorang atau *dua* [2] orang tadi itu bermain Mak Yong dengan isu-isu semasa iaitu isu dadah. Isu-isu terkini di tempat kita. Dia memang menguasai. Dalam permainan bawalah cerita dadah ke, cerita apa ke. Selepas habis itu, benda yang terlalu sedikitlah kita bagi ruang untuk bermain dengan isu itu. Itu satu bentuk yang saya maksudkan, sebab itu saya panggil Muzikal Teater Tradisional sebab dia ada lagu, ada pantun dan ada lakon.

**SNM : Sebab utama perlu diubah?**

**EAD :** Sebab utama perlu diubah saya rasa untuk satu untuk lebih menarik perhatian

sebab kalau kita tengok pada yang lama itu dia tidak lebih kepada unsur-unsur lakonan, dia lebih kepada diarahkah kepada unsur-unsur pergerakan yang diarahkan oleh lagu itu sendiri. Jadi apabila saya tengok ada ruang boleh kita lebihkan dari segi lakonan jadi kita bagi peluang itu dalam permainan Mak Yong itu sendiri. Yang dimainkan oleh anak bonda supaya dia ini dapat lebih berkomunikasi lebih dapat lagi disampaikan isu-isu semasa oleh apa yang kita hendak sampaikan. Sebenarnya yang itu, permainan itu ada tapi tidak dipanjangkan. Tapi saya rasa di sini perlu boleh dipanjangkan. Sementara selepas daripada itu kita nyanyikan lagu lain mana suasana anak bonda itu akan ikut lagu yang asal.

**SNM : Siapakah yang bertanggungjawab untuk buat perubahan ini semua?  
(Bunyi kerusi ditolak dan suara orang berbual)**

**EAD : Itu yang saya buat sendiri.**

**SNM : Sejak bila perubahan dalam permainan [Ulik Banda] ini dilakukan?**

**EAD : Pertama kali saya buat perubahan sewaktu tahun *lapan puluh lapan* [1988] sewaktu buat persembahan di Dewan Saddam Hussin, Pusat Bahasa Arab Nilam Puri [Universiti Malaya, Kelantan]. Saya ingat kita sudah masuk unsur lakonan tapi saya tidak masuk Mak Yong, saya masuk Teater Kisah Pembawa Arah. Teater berbentuk pembawa arah. Maknanya waktu anak bonda ini diulik selepas itu anak bonda itu hendak tengok drama, hendak tengok teater. (Ketawa). Jadi**

dia duduk situlah. Di bawahnya penonton. Jadi anak bonda itu tengok cerita. Dia sendiri main teater itu, dia kata dalam Mak Yong itu ada watak perang dengan raja. “Jadi tuanku hendak main teater ya?” “Saya rasa saya hendak main teater”. Jadi sebenarnya teater itu kita sudah set tetapkan kisah Kerajaan Kampung Laut. Biasa dengar tidak Kerajaan Kampung Laut? Jadi kisah itu, Puteri Tengku Tengah itu difitnah dengan sepupu dia Long Jaafar kerana terdapat sehelai kain yang dianugerahkan oleh Long Jaafar kepada Tengku Tengah untuk diberi sempena hari jadi Long Pandak . Tapi sebelum masa jadi itu, Long Pandak sudah tengok kain itu ada di dalam bilik peraduan dia, jadi kain itu kain selendang lelaki bukan kain selendang perempuan. Jadi macam mana kain selendang lelaki boleh ada dalam bilik peraduan dia. Jadi menyebabkan dia bunuh isteri dia. Jadi watak utamanya yang jadi Long Pandak itu ialah anak bonda itu sendiri. Nampak tidak? Kalau ikut sebenarnya permainan Mak Yong ini sekadar bertanya khabar begitu sahaja di kampungnya. Tapi dia hendak main teater pun boleh juga. Jadi teater itu yang panjangnya. Apabila sudah habis permainan itu mulalah hendak masuk pula awak-awak itu kita tidak letak dipentas itu takut lama sangat. Masuk semula awak-awak yang hendak nyanyikan lagu seterusnya. Barulah nyanyi lagu seterusnya. Dia pun akan bergerak mengikut lagu seterusnya. (Membaca pantun) Burung punai si ekor lebat, mati tersepit di akar kayu, tiup serunai bergeser rebat, nak ulik tuan beradu. Tuan beradu. Beradu ini istilah istana. Maksudnya tidurlah. Semua fahamkan maksud beradu. Bahasa istana hendak ulik tuan beradu. Dia pun tidur.



Jadi awak-awak lain pun habis keluar. Selepas itu dia pun pergi kepada lagu (Membaca pantun) Jangan tongkat pisang nak tumbang, biar tumbang sendiri dia, jangan sekat tuan nak pulang, pulang pulih sediakala. (Suara orang berbual) Pasal kita sudah habis tengok teater itu lama sangat kita tidak payah bawa banyak cerita. Saya rasa itu menjawab soalan awak tadi. Itu perubahan yang saya buat. Itulah perubahan yang saya buat.

**SNM : Adakah perubahan yang encik lakukan itu diterima baik oleh masyarakat yang sudah biasa dengan permainan Ulik Banda sebelum ini?**

**EAD** Yang tengok di Nilam Puri [Universiti Malaya, Cawangan Kelantan] itu dalam kalangan daripada sasterawan dan karyawan sebab hari itu bersempena dengan penyampaian Anugerah Penulisan Cerpen GAPENA. Cerpen yang berunsur Islam dari Pusat Bahasa Arab Nilam Puri [Universiti Malaya, Kelantan] yang kita jadikan tempat itu pilihan. Jadi mungkin masa penonton tidak ada dikalangan masyarakat kampung. Lepas itu yang jadi pelakon-pelakon itu adalah pelakon-pelakon teater saya sendiri. Di kampung tidak ada pelakon teater saya. Di kampung kita buat hanya sekadar apa yang orang yang hendak seghar angin boleh buat. Orang yang hendak seghar angin di kampung itu mungkin hendak baca skrip pun dia tidak tahu. Itu orang (pelakon-pelakon teater) yang dilatih dalam lakonan dan saya latih dan ajar dalam bidang Ulik Bonda (Ulik Banda).

**SNM : Maknanya di kampung dia ikut yang asal, yang di bawa ke pentas teater diubah kepada sesuatu yang baru?**

**EAD : Ya. Tapi kita tidak tinggallah yang lama itu.**

**SNM : Maknanya Ulik Banda ini pernah dipersembahkan dalam bentuk teater?**

**EAD : Ya.**

**SNM : Selain daripada teater?**

**EAD : Saya sendiri sebenarnya boleh menyanyikan berbagai-bagai jenis lagu daerah Kelantan berupa lagu rakyat. Jadi saya pernah menyanyikan lagu-lagu ini secara solo di banyak tempatlah. Dalam jemputan terutamanya jemputan yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan. Saya pun tidak ingat tapi banyak tempat saya nyanyi dalam bentuk solo diiringi oleh kumpulan muzik dikir barat. (Bunyi kerusi ditolak untuk disusun)**

**SNM : Selain daripada itu ada lagi ke tidak? Filem yang pernah diadaptasi ke dalam drama atau apa –apa bentuk?**

**EAD : Ada, banyak kali saya adaptasi dalam drama cuma tadi yang di Nilam Puri itu pertama kali yang saya adaptasi. Banyak kali sudah. (Gangguan).**

**SNM : Kalau encik ingat boleh tidak encik nyatakan drama itu drama apa?**

**EAD : (Bertanya kepada orang lain). Tahun Sembilan puluh [1990]-. Kalau Festival**

Teater tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991] di Kota Bharu [Kota Bharu, Kelantan] di gelanggang seni Kota Bharu. (Bertanya kepada orang lain). Pada tahun *lapan puluh lapan* [1988, Anugerah Penulisan Puisi Islam]. Selepas itu, saya bawa secara solo di Hari Penyair Nusantara di Kem Kijang, Kota Bharu, Kelantan pada tahun *dua ribu sembilan* [2009].

**SNM : Ada jalinkan-maksud saya masa encik pentaskan ke teater ataupun encik buat adaptasi ke drama ada tidak jalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak?**

**EAD :** Pertama, saya ini adalah anggota ahli Persatuan Seniman dan Penglibatan jadi apabila saya buat persembahan saya mesti dibawah persatuan induk saya Persatuan Seniman dan Penglibatan di bawah unit teater yang saya sendiri ketua. Sebagai Biro Teater Persatuan Seniman dan Penglibatan yang saya sendiri di bawah di mana unit ini maknanya kerjasama selalunya apabila buat festival teater ini Majlis Teater Negeri Kelantan [TEMA] dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan.

**SNM : Itu agensi NGO [Non Government Organization]?**

**EAD :** Persatuanlah. Ke apa maksud pertanyaan?

**SNM : Maksudnya selain daripada persatuan, ada atau tidak yang agensi kerajaan contohnya?**

EAD : Yang lain-lain? Panggil untuk-. Tidak ada. Selain daripada jabatan kebudayaan [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan] tidak ada.

SNM : **Apakah ada kumpulan maksudnya (bunyi kerusi ditolak) Ulik Banda ini dia ada kumpulan tersendiri tidak yang terbentuk? Kalau ada boleh tidak encik nyatakan nama kumpulan.**

EAD : Tidak ada. Cuma adapun di kampung saya itu kumpulan yang terbentuk secara sendiri apabila kita hendak main Ulik Bonda (Ulik Banda) ini bila. “Berapa hari bulan hendak *start* [mula] latihan ini?”. Akan keluar siapa-siapa yang berminat itu selalunya tidak payah saya sebut. Apabila bunyi sahaja hendak buat permainan Ulik Bonda (Ulik Banda) kena *start* [mula] latihan ini. Kumpul ramai-ramai. Kalau buat atas rumah tidak muat kalau rumah kecil sangat.

SNM : **Maknanya di kampung sahajalah yang ada kumpulan Ulik Banda ini?**

EAD : Ya.

SNM : **Berapa ramai ahli kumpulan?**

EAD : Tidak ada dikira. Siapa-siapa yang berminat boleh pergi berlatih. Kita tidak tetapkan. Lagi ramai lagi bagus.

SNM : **Maksudnya sesiapa pun boleh sertailah?**

EAD : Ya. Tapi dulu ada juga kumpulan teater-(bertanya kepada rakan) Anak Seni

Sema Bujang adalah kumpulan teater Sekolah Menengah Bukit Jawa. Jadi pernah juga saya ajarkan lagu-lagu ini. Selepas itu bila ada pelapis itu sudah keluar jadi lapisan yang baru ini saya rasa ada yang tidak dapat. Jadi yang di bawah bimbingan saya dahulu saya ajar lagi. Sebagai satu asas untuk *offer* [tawaran] untuk wakil sekolah dalam bidang lakonan pentas.

**SNM : Ada apa-apa syarat atau tidak untuk turut serta menjadi ahli dalam kumpulan Ulik Banda ini. Maksudnya macam sesiapa yang hendak sertai Ulik Banda itu ada syarat atau tidak?**

**EAD :** Tidak ada. Tiada syarat dikenakan. Tiada apa-apa syarat dikenakan. Boleh sesiapa sahaja yang berminat tapi kita tidak galakkan perempuan. Perempuan boleh juga pergi, pergi tolong buat kuih ke? (Ketawa).

**SNM : Boleh encik nyatakan peranan ahli yang ada dalam permainan Ulik Banda itu? Contohnya macam ketua kumpulan ?**

**EAD :** Selalunya ketua kumpulan ini menentukan bila hendak buat latihan, di rumah siapa selepas itu bila persembahan ini akan dibuat. Tapi kalau peringkat awal dulu dia tidak ada latihan. Sebab orang kampung itu semua tahu cuma “Eh, malam ini keluar semua ke?” “Main Ulik Banda” “Di mana?” “Oh, rumah Tok Salleh”. Sekarang ini ramai orang tidak tahu kita terpaksa latihan. Latihan tujuannya untuk menghafal lagu itulah. Bila tidak hafal lagu main-. Hendak tengok skrip tidak boleh. Dulu tidak ada skrip pun. Cuma ada seorang tukang

yang sedia tahu yang betul-betul minat lagu, dia akan mengelola selepas ini lagu ini. Jadi yang lain itu akan ikut, ikut dengan hafal bukan ikut dengan baca skrip. Tujuan latihan sekarang ini kamu hendak menghafal. (Bunyi kertas diselak).

**SNM : Maknanya adalah latihan yang dijalankan dalam-?**

**EAD :** Kalau untuk persembahan. Kalau untuk permainan di kampung saya rasa tidak ada latihan. Sebut sahaja hendak main Ulik Banda memang ramai pakat pergi. Tapi kalau latihan lagi sedap pasal mereka semua kenal lagu dan zaman sekarang semua boleh pandai membaca. Dulu pakat ingat selepas ini lagu apa kadang-kadang lagu pun tidak berbunyi.

**SNM : Tujuan latihan diadakan?**

**EAD :** Itulah dia untuk lebih harmoni sebutan lagu. Apabila sebutan lagu semuanya hafal semuanya ingat dari segi lirik, dari segi irama maka harmonilah. Kita dengar pun sedap. Sebut sini tidak bunyi, sebut sini merah muka sahaja suara tidak keluar. Hendak keluar macam mana kalau tidak ingat.

**SNM : Di mana biasanya latihan ini diadakan?**

**EAD :** Di mana-mana sahaja di rumah. Masa latihan kita tidak buat di padang. Di padang itu untuk persembahan yang sebenar. Maksudnya kalau untuk acara seghar angin kita tidak panggil acara perubatan kita panggil seghar angin sahaja. Maksudnya perubatan ini Nampak *heavy* [berat] sangat. Ini santai-santai sahaja.

Berkumpul sepuluh orang, empat atau lima orang, ‘Kita menyanyi Ulik Bonda (Ulik Banda)’. ‘Hendak ulik siapa ini?’. ‘Kita ulik kamu’. Pakat menyanyi, macam itu sahajalah. Tidak lancar pun kadang-kadang. Itu di kampung dahulu. Dahulu mana ada orang tengok televisyen. Berkumpul atas depan rumah. ‘Hari ini mari kita main Ulik Bonda’. ‘Hendak ulik siapa?’. ‘Ulik kamu, aku sudah mengulik semalam’. (Ketawa)

**SNM : Kalau untuk pementasan teater memang ada latihan dijalankan?**

**EAD : Ya, ada latihan.**

**SNM : Selalunya latihan itu dijalankan dekat mana?**

**EAD : Latihan itu kita tengoklah. Kalau kita guna pentas yang disediakan, kita buat dipentas. Kalau macam sekarang ini kita boleh menggunakan pentas JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan] tapi kena minta izinlah. Kita guna hari berapa-berapa sebab pengawal hendak tahu siapa yang keluar masuk. Kalau macam kami dulu dekat Pasir Puteh ini gunalah bangunan UMNO [United Malay National Organization] kita guna, pejabat belia pun kita guna, dewan majlis daerah (Majlis Daerah Pasir Puteh, Kelantan) pun kita guna tapi kena minta izinlah aktiviti persatuan. Pada masa itu sekolah-sekolah tidak boleh hendak guna mungkin takut hilang barangan. Kita guna dewan-dewan masyarakat, dewan orang ramai.**

**SNM** : Selalunya latihan mengambil masa berapa lama? Atau pada hari tertentu : untuk latihan?

**EAD** : Bergantung kepada kekerapan latihan. Kalau kita buat latihan kerap sangat mungkin cekap. Kalau lambat, lambatlah. Bergantung juga pada masa tarikh persembahan itu. Kalau dekat sangat kena kerap berlatih. Kalau untuk Ulik Banda ini sahaja seminggu boleh sudah buat persembahan. Sebab kalau kita campur dengan orang-orang lama yang masih duduk ada lagi itu cuma kita hendak tahu lagu apa selepas ini. Apabila ada lagu kita ingat sudah. Yang muda-muda ini kena ingat lagu dahulu. Yang tua-tua ini dia ingat sudah lagu cuma tidak tahu selepas ini lagu apa.

**SNM** : Berapa jam bagi setiap satu sesi latihan?

**EAD** : Sesi latihan. Kita sebenarnya apabila sudah duduk berkumpul ini orang kampung ini kadang-kadang berjanji pukul sembilan, pukul sepuluh baru dia pergi. (Ketawa). Padahal latihan itu satu jam sahaja. Bukannya lama sangat pun, satu jam sahaja tapi itulah kadang-kadang pukul sepuluh baru mula itu yang bila sudah pergi jadi berlarutan. Berhenti rehat berbual pulak minum petang ke makan cendol , makan bubur kacang. Selepas itu sambung pula sampai pukul dua belas. Padahal kalau kira masa itu sebenarnya sikit sangat. (Ketawa). Tabiat itu yang susah hendak tinggal.

**SNM** : Apa yang biasa dilakukan semasa latihan?



EAD : Semasa latihan itu, apa yang biasa dilakukan untuk persembahan kita tentukan siapa yang hendak menjadi anak bonda.

**SNM : Selain daripada itu?**

EAD : Siapa yang hendak jadikan teman anak bonda itu. (Bunyi nada mesej masuk). Teman lakon dia itu. Sebab benda ini kita tidak boleh tiba-tiba tangkap muat. Nanti dia tidak jadi. "Oh, aku tidak boleh". "Kamulah". Awak-awak itu bergaduh pula. Kita tentukan awal-awal. Kalau hendak mengubat orang itu sendiri tidak mengapalah sebab orang itu sendiri tidak seghar angin.

**SNM : Maksud encik yang ini dipentaskan di teater?**

EAD : Ya, untuk persembahan. Kalau orang hendak seghar angin itu kita letak orang yang seghar angin itu sahajalah. Tidak jadi masalah. Cuma nak cari teman lakon dia juga. Selepas itu hendak tentukan siapa-siapa yang hendak menjadi Juara. Siapa-siapa pun boleh, saya pun boleh. Asal orang itu tahu membaca lagu selepas lagu ini lagu apa. Tapi zaman orang buta huruf dia pakat ingat sini sahaja. (Tunjuk kepala). Ini lagu satu, lagu dua sudah susun.

**SNM : Maksud encik hendak cari teman untuk anak bonda itu semasa hendak persembahan? Kalau dekat kampung itu memang-**

EAD : Semasa latihan dekat kampung pun kena tetap juga. Jangan sampai tiba-tiba tidak ada orang hendak lawan dia, bersilat ke, jadi hambar tidak ada orang

hendak lawan dia. Tapi dekat kampung ini tidak jadi payah selalunya. Siapa-siapa yang berminat dalam kumpulan itu yang jadi teman lakon. (Suara orang berbual di telefon )

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3 : KOMPONEN DAN KAEDAH PERMAINAN

**SZZ** : (Bunyi kertas dihentak ke meja) (Bunyi suara orang berbual) Tujuan Ulik Banda ini untuk segar angin? Apa yang dimaksudkan dengan segar angin?

**EAD** : Segar angin. Memulihkan semangat.

**SZZ** : Puncanya apa?

**EAD** : Puncanya mungkin orang kita ini kadang-kadang terlalu letih buat kerja ataupun kita ini ada rasa berdukacita mungkin bergaduh dengan isteri itu tidaklah, berdukacita bab-bab lain tidak tercapai hajat, jadi menyebabkan kita berlaku hamper-hampir kemurungan. Jadi kemurungan ini salah satu penyakit sakit jiwa. Sakit jiwa itu gila. Jadi kita *tok se* [tidak mahu] sampai ke peringkat itulah. Jadi tidak segar makna semangat lemah. "Jadi sepatutnya tahun ini aku dapat padi sepuluh guni, ini dapat dua guni sahaja". Putus harap sudah hendak buat kerja, malas sudah. Jadi dengan kite bermain sekejap melupakan sekejap kepada benda-benda yang mendukacitakan kita. Kalau di kampung orang buat padi tanam

tembakau tidak boleh *pitis* [duit] lembu dicuri orang jadi kita pun jadi biul. Kalau duduk seorang senyap. Duduk seorang itu maksudnya kemurunganlah. Cuma tidak peringkat bercakap sendiri sahajalah. Kalau sudah peringkat bercakap sendiri itu sudah sakit jiwalah itu. Jadi tidak segar. Nampak kemurungan. Duduk atas rumah duduk seorang. Itu yang kita panggil tidak segar. Betul ke tidak? (Bertanya kepada penemuramah). Kena banyak faham segar angin ini. Kalau kita cakap dalam bahasa standard baku lagi tidak sampai. Kalau tidak faham boleh tanya lagi. Saya hendak beritahu lagi.

**SZZ** : Adakah latihan dilakukan sebelum rawatan sebenar pesakit?

**EAD** : Saya sudah cakap tadi. Kalau untuk pesakit tidak perlukan latihan. Ataupun kita tidak ada latihan langsung.

**SNM** : Maksudnya berlaku secara spontan sahajalah? Mana ada pesakit terus adakan rawatan?

**EAD** : Kalau yang tidak segar itu pesakit ini dia minta hendak main Ulik Bonda (Ulik Banda), jadi dia pun beritahulah ke anak dia dia ke abang dia ke kakak dia ke. "Eh aku ini tidak segar angin ini". "Kenapa?". "Lepas lembu aku kena curi ke orang sepuluh ekor hari itu, aku jadi tidak semangat". Makna hendak buat kerja pun malas ape itu semua. Ada tidak perasaan itu dalam diri?. Adakan. Sebab itulah. Lepas itu kumpullah malam Sabtu main Ulik Bonda (Ulik Banda). Jadi waris dia ke siapa-siapa ke abang dia ke kumpullah, beritahu main Ulik Bonda

(Ulik Banda). Jadi perlukan seorang yang tahu tentang lagu itulah. Hendak main lagu mana dahulu. (Suara orang berbual di telefon)

**SNM** : **Selalunya siapa yang tahu tentang Ulik Banda ini di kampung?**

**EAD** : Ada, ada yang tahu.

**SNM** : **Jadi apabila ada permintaan akan diberitahu kepada orang itulah (orang yang tahu tentang Ulik Banda itu)?**

**EAD** : Ya.

**SNM** : **Dan dia akan kumpulkan orang untuk main Ulik Banda itu?**

**EAD** : Ya. Kalau macam sekarang ini orang akan beritahu sayalah. Tapi saya pula kalau saya tidak dapat balik, saya akan beritahu orang yang boleh *handle* [menguruskan] benda ini di kampung. Jadi saya akan balik malam sekian-sekian, malam ini saya tidak balik. Kamu buatlah latihan itu. (Suara orang berbual). Malam ini saya tidak balik.

**SNM** : **Kalau encik ada maknanya orang itu akan tetapkan dengan encik sahaja?**

**EAD** : Ya. Memang mereka akan jumpa sahajalah.

**SZZ** : **Adakah permainan Ulik Banda ini menggunakan jampi atau mantera?**

**EAD** : Tidak ada. Kita tidak menggunakan jampi atau mantera. Jampi kita lagu itu

sendiri. Mantera kita pun lagu itu sendiri. Macam yang awak tengok itu sahaja. Pantun yang dilagukan.

**SZZ** : Apakah cabaran dan pengalaman dengan ahli kumpulan sepanjang permainan Ulik Banda ini?

**EAD** : Cabaran dan pengalaman saya setakat ini tidak ada. Tapi yang pernah saya dengar, satu malam itu permainan Ulik Bonda (Ulik Banda) secara yang tidak dirancang oleh sekumpulan anak muda pada masa itu menyebabkan berlakunya orang yang diulik tadi tidak pulih.

**SZZ** : Maksud encik tidak pulih macam mana?

**EAD** : Tidak pulihlah, selepas dinyanyikan lagu rangkap yang terakhir itu (Membaca pantun) Jangan tongkat pisang nak tumbang, biar tumbang sendiri dia, jangan sekat tuan nak pulang, pulang pulih sediakala. Selepas lagu itu pun diulik berpuluh-puluh kali pun tidak pulih.

**SZZ** : Macam mana boleh jadi macam itu?

**EAD** : Maksud yang awak tanya tadi. Sewaktu kejadian yang luar biasa, yang tidak pernah jadi. Jadi bila tidak pulih terpaksa kita main Peteri. Main Puteri (Peteri). Main Peteri itu ulik dengan main Peteri. Sebab tidak pernah terjadi. Jadi keluarbiasaan itu terjadi juga. Jadi main Peteri semula barulah boleh.

**SZZ** : Adakah Ulik Banda ini ada pantang larangnya ? (Bunyi kerusi ditolak)

EAD : Tidak ada.

**SNM** : Maksud encik tadi, anak banda yang tidak pulih itu maksudnya ada berlaku kesilapan ke tidak masa permainan itu?

EAD : Rasa dia main tidak sampai target. Dia main tidak rancang, tidak ada yang saya panggil (fikir) teman lakon. Apabila tidak ada teman lakon maknanya setakat main itu (Ulik Banda) dia duduk tidur sahaja. Dia tidak bangun mengulik. Apabila duduk tidur sahaja tidak mahu bersilat, tidak bangun main Mak Yong, tidak bangun berjoget apa semua, jadi mungkin disitulah menyebabkan benda itu tidak bangkit. Jadi hendak pulih macam mana, hendak bangkit pun tidak. Jadi pada dia main dalam bentuk yang sikit dalam empat hingga lima orang, itu dia jadi tidak pulih itu. Maknanya yang tidak dirancang. Tidak ada permulaan yang betul, lagu pun mungkin lintang pukang. Lagu dia itu kalau boleh tidak lintang pukang. Tadi saya sudah cerita. Lagu ini tidak boleh dahulu dan kemudian. Maksudnya lagu yang dahulu, didahulukan. Lagu yang kemudian dikemudiankan. Di tengah itu (bahagian tengah pantun) kalau silap sedikit sebanyak pun tidak mengapa. Cuma yang mula dengan yang akhir susunan kena betul. Saya rasa itulah yang menyebabkan dia tidak pulih. Jampi serapah semua tidak ada.

**SZZ** : Adakah orang ramai boleh tengok rawatan Ulik Banda ini?

EAD : Ya, akan dikelilingi oleh orang ramai. Orang ramailah yang akan bertindak sebagai orang yang hendak cabut lari nanti. Anak bonda hendak jamah susu mana boleh tidak lari. (Ketawa).

**SZZ** : **Ada gelaran atau tidak untuk pemantun itu?**

EAD : Kita tidak ada gelaran cuma kita panggil umum sebagai awak-awak sahaja. Awak-awak ini maksudnya kumpulan ramailah. Kalau orang pergi memukat pun orang panggil awak-awak juga. Dikir barat pun awak-awak juga. Ini pun dipanggil awak-awak. Awak-awak ini maksudnya lebih dari seorang. Kumpulanlah awak-awak ini.

**SNM** : **Maksudnya orang yang melagukan pantun tersebut dipanggil sebagai awak-awak juga?**

EAD : Awak-awak. Maknanya semualah yang akan melagukan pantun tersebut.

**SNM** : **Tok Juara itu?**

EAD : Tok Juara itu akan mulakan perkataan yang pertama itu sebagai mengingatkan lagu. Apabila sudah. "Oh, lagu ini". Orang lain itu akan ingat lagu ini. Maka akan ikut sahajalah. Hendak ubah lagu itu Tok Juara juga yang main peranan. Kalau satu lagu itu hendak bawa berapa kali (bunyi tepuk tangan), hendak ulang. Kadang-kadang kalau kita hendak tengok tarian itu lama kita ulang banyak kali lagu yang sama. Kita hendak tengok silat itu lama, kita ulang lagu silat itu biar

lama. Lagi lamalah dia bersilat.

**SNM : Maknanya awak-awak itu akan ikut Tok Juara itulah?**

**EAD :** Tok Juara bukan maksud dikir barat. Dikir barat ini Tok Juara ambil satu lagu awak-awak pun satu lagu. Tidak. Dia bukan macam itu. Dia ambil satu perkataan sahaja untuk mengingatkan. Satu perkataan yang di depan, perkataan yang pertama.

**SZZ : Purata umur awak-awak itu berapa? Dari umur berapa sampai umur berapa?**

**EAD :** Yang biasa main itu kanak-kanak pun ada tapi masa yang persembahan yang sebenar itu kita tidak bawalah. Masa latihan sahaja. Siapa-siapa hendak main letak anak atas rumahlah. Ada yang bawa anak pun ada. Namun dekat kampung “Abang hendak pergi mana itu?” “Hendak pergi latihan Ulik Bonda (Ulik Banda)” “Ini bawa ini si Mamat sekali, buas asyik mengusik adik sahaja.” Bawa sahajalah. Anak duduk sekali, budak-budakkan dia mudah ingat. Apabila dia dengar sekali dua , siang-siang hari dia sebutlah lagu-lagu kita main. Budak mudah ingat, padahal dia dengar hari itu sahaja. Itulah yang menjadi siulan, yang saya kata siulan masa dahulu itu. Masa saya sendiri budak-budak duduk sebut kita sebut-sebut, kita tidak tahu apa tujuan itu. Mudah ingat.

**SNM : Kenapa masa latihan kanak-kanak boleh ikut serta tapi masa persembahan**



**betul tidak boleh?**

**EAD** : Kalau persembahan yang betul ini melibatkan masa yang panjang tengah malam takut berlaku benda-benda yang agresif macam silat. Silat ini siapa rebah pun tidak tahu. Apabila bersilat anak bonda tidak khaba. Tidak khaba ini maknanya tidak sedarlah ataupun separuh sedar. Tersentuh jatuh kanak-kanak ini maknanya tidak comellah. Kita duduk dalam lingkungan bulatan begitu.

**SZZ** : **Kira awak-awak ini pun tidak ada pantang larang dia sebelum ke semasa ke selepas?**

**EAD** : Tidak ada.

**SZZ** : **Selain tepuk tangan macam itu, ada guna alatan muzik lain ke tidak?**

**EAD** : Tidak ada. Cuma saya kata tadi untuk saya bawa solo lagu ini memang diiringi oleh muzik tradisionallah. Tapi untuk persembahan Ulik Bonda (Ulik Banda) yang sebenar tidak ada.

**SNM** : **Hanya tepuk tangan sahaja?**

**EAD** : Hanya tepuk tangan. (Bunyi tepuk tangan). Maknanya kita tepuk tangan pun kita boleh nyanyi. Kita kena ingat lagu dia. Kalau lagu itu rancak (Bunyi tepuk tangan) tepuk laju. Dia ada tempolah maksudnya. Tempo dengan beat perkara yang berbeza. Tapi kalau sebut beat pun orang Kelantan tahu, tempo pun orang Kelantan tahu. (Bunyi tepuk tangan).

**SNM** : **Maknanya tepuk tangan itu memang kena sama seiring?**

**EAD** : Samalah. Seiring. Kalau tidak seiring hendak nyanyi tidak bolehlah sebab dia merupakan *beat* [tempo]. (Bunyi jari ketuk meja) Ataupun kalau gong. Ataupun contohnya (Menyanyikan pantun sambil menepuk tangan). Turun ke becah mengail bujuk, Sentak berdengung punca tali, Apa sudah bonda ku duduk, Bingkas bangun serta menari. (Gangguan)

**SZZ** : **(Ketawa) Apakah unsur yang digunakan dalam pantun yang asal? Pantun yang mula-mula dulu asas dia daripada apa terjadinya pantun itu?**

**EAD** : Saya rasa dia benda ini dia jadi pantun lagu dulu baru kemudian pantun sebab apa dari segi seni kata dia ada yang berubah-ubah maksudnya. Saya sendiri kalau kita tulis kita tidak tahu apa yang disebut sebenarnya setengah-setengah itu jadi menyebabkan saya banyak buat pembetulan. Contohnya ada satu pantun itu (Membaca pantun) dia kata hedeng-hedeng si paku ledeng, pucuk siku bergundung-gundung. Saya rasa hedeng-hedeng ini kalau heleng-heleng saya rasa lebih tepat dengan pucuk siku itu, bila adanya kapal besar lalu di tepi sungai itu makanya akan jadi heleng-heleng. Jadi itu saya ubah kepada heleng-heleng. Heleng-heleng itu maksudnya bergerak-gerak *gitulah* [begitulah] dalam bahasa Kelantannya. Kalau hedeng-hedeng itu saya rasa saya tidak tahu *nak* [hendak] cari makna apa dia hedeng-hedeng itu. Kalau heleng-heleng si paku ledang, paku ledang ini sejenis pucuk paku. Pucuk siku bergulung-gulung, pucuk siku itu daun

dia sentiasa --lah.

**SZZ** : Maksud encik dia berunsurkan alam?

EAD : Berunsur alam sekitar

**SZZ** : Golongan apa yang terlibat semasa rawatan? Lelaki atau perempuan?

EAD : Lelaki.

**SZZ** : Kenapa lelaki sahaja?

EAD : Sebenarnya saya pun tidak pasti tapi kalau ditengok dari segi permainan sebab dia ada unsur-unsur yang agresif. Memang dari dulu *laki-laki* [lelaki].

**SZZ** : Adakah bilangan awak-awak itu dia mempengaruhi sesi rawatan itu?

EAD : Yang sebenarnya memang kalau kita perlukan suara yang merdu kita perlukan awak-awak yang ramai sebab kalau *tiga* [3] *empat* [4] orang ini mungkin tidak sedap macam kita tengok dikir barat. Mungkin tidak sedap macam kita tengok dikir barat lagi ramai itu lagi gemuruh suara itu harmoni.

**SZZ** : Pakaian awak-awak itu ditetapkan ke atau?

EAD : Pakaian sewaktu bermain di kampung kita tidak ditetapkan. Suka hati tapi suka hati pun pakaian orang Kelantan macam mana dengan smutarnya. Smutar tahu tidak smutar yang kain. Kain basahan dibuat lilit kepala kita panggil smutar tapi bila

dibawa ke pentas untuk dipersembahkan di pentas, tradisi smutar itu juga saya kekalkan. Tradisi smutar dengan ikat pekong di pinggang saya kekalkan tapi kalau kita kata pakaian seluar warna hitam ataupun warna gelap jadi kita pun tidak ada orang bagi uniform apa, jadi kita kekalkan macam itu. Lepas itu kain batik sebagai satu apa ini kita panggil selendang. Kain batik warna hitam jadi smutar itu kita kekalkan.

**SZZ : Apakah peranan awak-awak ini selain dia tepuk tangan? Dia ada peranan lain tidak?**

**EAD :** Tepuk tangan dan menyanyi sekali dan juga sebagai pagar ataupun keliling pentas itu tadi sebab sewaktu berlakunya adegan agresif kejar-mengejar dalam lagu mengejar wanita *nak* [hendak] jamu susu, *nak* [hendak] jamu dagu, *nak* [hendak] jamu hidung itu. Mungkin orang yang anak bonda ini dia agak agresif sikit jadi awak-awak yang duduk di dalam bulatan itu tadi boleh menjadi pagar.

**SZZ : Kiranya dia tidak boleh keluar dalam bulatan itu?**

**EAD :** Ya dia tidak boleh keluar tapi walaupun dia tidak boleh keluar, orang yang duduk di luar itu lari lintang-pukang dah-sekaligus dia menjadi benteng pagar.

**SZZ : Adakah pesakit boleh terdiri daripada pelbagai golongan. Maksudnya umur ke jantina ke?**

**EAD :** Selalunya golongan remaja dan ke atas. Kita tidak ada golongan kanak-kanak.

Zaman saya juga saya pernah main ini masa waktu saya kanak-kanak tapi kita tidak ada unsur lupa.

**SZZ** : Pesakit itu budak-budak ada juga? Maksudnya yang jadi anak bonda itu yang budak-budak pun ada juga?

**EAD** : Tidak ada tapi dalam permainan yang kita main-main, kanak-kanak itu adalah kita main-main ulik bonda ini. Jadi ulik bonda ini--tapi esok pula tapi tidak ada unsur lupa. Tidak berlakunya unsur lupa cuma yang saya kata tadi itu yang berlakunya unsur lupa main macam itulah. Main seronok-seronok duduk main ulik bonda duduk *dua* [2] *tiga* [3] *empat* [4] orang itu yang buat tidak pulih itu.

**SZZ** : Perempuan pun pernah jadi pesakit?

**EAD** : Perempuan tidak pernah jadi pesakit tapi sekadar jadi awak-awak ada. Kita main itu main-main (bunyi mendecit) sama-sama kita di kampung

**SZZ** : Adakah pesakit itu dia menari dalam keadaan sedar atau tidak sedar?

**EAD** : Dia menari dalam keadaan separuh lupa

**SZZ** : Macam mana dia boleh jadi separuh lupa?

**EAD** : Dengan lagu yang pertama itu tadi. Bila kita menyanyi lagu yang pertama itu, cak kelok emak bujang layan bonda, turun bonda menimang anak, anak bonda berapa orang, mati *sorang* [seorang] tinggallah *dua* [2]. Turun maksud di situ

mak bonda telah turun ke dalam diri orang yang diulik itu tadi. Itu maksud turun. Turun bonda menimang anak. Yang saya kata tidak ada unsur jampi serapah itu macam yang awak kata itu dalam lagu itu sendiri itu betul kerana lagu itu sendiri yang menjadi jampi dan lagu itu sendiri juga menjadi sebagai pemulih lagu akhir. Masa turun itu---. Atau memulih daripada unsur lupa.

**SZZ** : Bagaimanakah kedudukan pesakit itu?

EAD : Waktu kita pulih itu duduk dalam keadaan tidur terbaring.

**SZZ** : Pakaian pesakit itu?

EAD : Pakaian itu kita tetapkan sikit. Pakaian seolah-olah pendekar sebab kita takut dia terlondeh seluar ke masa dia beraksi (ketawa). *Gitu* [begitu] juga macam awak-awak juga kita lengkapkan dengan smutar apa semua.

**SZZ** : Adakah pesakit pernah bertindak di luar kawalan?

EAD : Setakat ini saya tidak pernah dengar. Setakat yang saya buat tidak ada sebab kita--. Itu yang kita perlukan benteng yang ramai awak-awak. Jadi pesakit ini akan bermain di dalam arena *stage* [pentas] itu tadi.

**SZZ** : Pesakit ini dia ada pantang larang tidak?

EAD : Tidak ada.

**SNM** : **Maknanya masa pesakit itu dia main dalam kawalan itu sahaja? Maksud yang encik cakap yang kejar penonton itu?**

**EAD** : Ya. Kejar itu dalam istilah macam ini. Penonton dia duduk rapat keliling itu dengan awak-awak itu. (batuk) Dalam keadaan rapat itu pesakit itu mungkin menunjukkan *action* [aksi] *nak* [hendak] lompat jadi yang ini nampak macam kejar itu. Bukan kata dia lompat itu--. Dia tidak akan boleh lompat benda itu sebab kita--. Ini juga sebagai benteng, awak-awak ini sebagai benteng walaupun dalam keadaan duduk. Bila kita nampak *nak* [hendak] berlakunya suasana yang agresif yang tidak elok kita bangkit.

**SNM** : **Maknanya penonton duduk dekat dengan awak-awak?**

**EAD** : Ya dia duduk dekat dengan awak-awak dalam suasana yang keliling. Saya rasa ini bukan di pentas. Di pentas mana boleh duduk jauh ataupun suasana yang sama cuma dipagari oleh awak-awak yang duduk di dalam bulatan sekeliling sama ada di depan rumah yang lapang atau tanah yang lapang sebab itu kawasan yang sempit tidak boleh main. Di halaman rumah itu yang kita perlukan awak-awak yang ramai untuk jadikan bulatan arena itu luas.

**SZZ** : **Macam mana keadaan pesakit itu setelah rawatan?**

**EAD** : Selalunya setelah dia berlakunya kekeluhan, berlakunya proses apa daripada badan yang sejuk kepada badan yang panas--. Macam satu latihan kita main silat apa daripada sejuk tidak larat itu tubuh jadi berpeluh segar *relaks* [tenang].

Penat itu waktu bermain sekejap saja tapi macam kita jogging kita penat tapi selepas kita jogging kita berpeluh kita rasa sihat. Itu segarlah itu. Tidak ada rasa lenguh (bunyi telefon) badan, keseorangan, kemurungan tidak ada.

**SZZ** : Adakah pesakit perlu dirawat secara kerap atau bila perlu sahaja?

**EAD** : Dia ini atas permintaan dia sendiri. Atas permintaan orang tidak shegar itu.

**SZZ** : Maknanya pernah kalau *sorang* [seorang] itu *dua* [2] *tiga* [3] kali?

**EAD** : Ada. Dalam setahun itu-ada pasal mungkin faktor semasa juga. Mungkin juga mungkin masa itu tidak ada main-main mainan yang lain. Jadi yang ada Wayang Kulit, Main Teri, jadi Ulik Bonda--. Jadi di dalam satu kampung itu mungkin orang yang berlainan atau orang yang sama rasa tidak sihat.

**SZZ** : Kenapa Ulik Banda ini dia tidak guna alat muzik?

**EAD** : Saya pun cerita yang saya tidak berani sebab apa sewaktu daripada saya tengok seusia kanak-kanak saya pun memang tidak ada muzik. Cuma yang main muzik itu sewaktu saya nyanyi solo sahaja. Saya nyanyi solo saya main muzik tapi yang sebenarnya dia tidak ada muzik cuma tempo dia itu saja tepuk tangan (bertepuk tangan). Memang dari dulu. (bunyi telefon berdering)

**SZZ** : Adakah irama tepukan itu dia mempunyai maksud disebalik tepukan itu?

**EAD** : Tidak ada cuma tempo untuk lagu saja. Tempo itu diseraukan dengan lagu.



**SZZ** : Ada sebarang kesan jika salah tepuk ke?

**EAD** : Tidak ada cuma kalau tersalah tepuk sumbang lagu itu tidak sedap (ketawa).

**SZZ** : Dia tepukan ini dia ada banyak jenis ke *satu* [1] jenis sahaja ke?

**EAD** : Satu jenis sahaja. Tepuk macam mana pun sama ada laju ataupun tidak bergantung kepada lagu itu sendiri. Kalau lagu itu laju, lajulah tepuk supaya tempo itu tidak lari.

**SZZ** : Tepukan itu dia pengaruhi pesakit ke macam mana ke untuk lagu itu sahaja?

**EAD** : Untuk lagu.

**SNM** : Yang mempengaruhi pesakit itu pantun yang dilagkan itu?

**EAD** : Pantun yang dilagukan. Dia ada maksud dia sendiri.

**SNM** : Maknanya bila pantun itu dilagukan jadi pesakit itu dia akan jadi macam lupa tidak sedar macam itu?

**EAD** : Dia kita mula nampak dia mula lupa waktu dia bergerak-gerak sewaktu diulik. Masuk ke lagu yang *kedua* [ke-2] itu dia bangun. Dia bangun lepas itu kita *nak* [hendak] suruh dia duduk. Apa sudah bondaku duduk bingkas bangun segera bermain. Makna apa sudah maksudnya buat apa duduk lama-lama lagi bangunlah menari. Itu maksud dianya.

**SNM : Pantun yang dilagukan itu memang mempengaruhi pergerakan si pesakit?**

**EAD : Ya ya.**

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4 : CADANGAN DAN HARAPAN**

**SZZ : Apakah cadangan encik untuk mengekalkan Ulik Banda ini dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda?**

**EAD :** Saya kalau bolehlah kalau ulik bonda ini tidak diangkat pun saya tidak jadi masalah tapi biarlah di antara beberapa lagu yang ada menjadi lagu yang dikenali. Ini Ulik Bonda, ini Ulik Mayang, yang ini lagu rakyat Pahang, ini lagu Negeri Sembilan. Maknanya orang tahu ada Ulik Bonda. Rupanya satu lagu yang ditinggalkan di Kelantan dalam permainan Ulik Bonda. Macam lagu yang biasa kita tengok walaupun banyak pantun yang tidak menarik tapi di antara pantun-pantun itu ada yang menarik. Contohnya (Membaca pantun) nak umbuk ku beri umbuk, nak umbuk belai bertanya. Cikgu Jamal itu dia seorang pengkaji sejarah dia pun apa (gelak) sambil belai. Jadi bahasa-bahasa nak umbuk ku beri umbuk, makna nak sambut sambil bertanya. Kita nak sambut orang apa khabar, assalamualaikum, apa khabar. Itu dia punya cerita disebalik nak sambut belai bertanya. Makna indahny seni pantun itu. Maksud yang tersirat, yang tersurat mungkin dalam bahasa Kelantan tidak nampak jelas tapi bila kita \_ itu

maksudnya *nak* [hendak] sambut belai bertanya apa khabar, duduk mana, *loni* [sekarang] anak berapa orang dah. Jadi biarlah di antara salah satu lagu yang ada itu diangkat. Itu hajat saya daripada dulu lagi, macam Encik Nazali kebudayaan itu dia baru buat lagi mungkin orang tidak tahu inisiatif yang Encik Nazali buat itu. Saya dengan dia saja yang nampak, orang lain tidak nampak tidak ke mana juga. Maksud saya biar ada seorang komposer macam M. Nasir ke bawa lagu \_ lagu-lagu yang diadaptasi itu. Mungkin kalau M.Nasir bertemu dengan saya, dia boleh adaptasi lagu itu. Itu maksud saya. Ya walaupun *satu* [1] . Ini cuba awak bayangkan, *satu* [1] Ulik Mayang, *satu* [1] itu saja lagu dia tapi boleh terkenal. Ini banyak lagu. Itu maksud saya walaupun dari segi permainan dia mati, biar orang tengok lagu ini naik ke atas sana-tapi bukan *nak* [hendak] jadi lagu rock cuma \_ supaya anak cucu kenal rupanya ada permainan Ulik Bonda, Ulik Mayang lagu mana lagu ini. Jadi ini tidak sama walaupun \_ sama tapi tidak serupa. (bunyi kerusi)

**SZZ** : Ada tidak bahan-bahan bercetak yang boleh diperolehi sebab macam susah *nak* [hendak] cari maklumat tentang Ulik Banda ini?

**EAD** : Memang tidak ada maklumat selain daripada yang saya bagi *kat* [kepada] awak. Itu pun *hok* [yang] dalam surat khabar juga, saya sendiri pun saya tidak simpan padahal saya sebenarnya saya simpan tapi kedudukan saya sebagai seorang yang beruniform sekejap duduk di *Penang* [Pulau Pinang], sekejap di Taiping, saya tidak tinggal di rumah semua melekat di hati saya. Kalau boleh saya tinggal,

saya tinggal belaka sebab itu bila awak *nak* [hendak] dalam bentuk dokumen *nak* [hendak] cari mana (ketawa) saya pun tidak tahu.

**SNM** : Tapi macam mana cerita pasal Ulik Banda itu boleh masuk dalam akhbar?

**EAD** : Yang ini kebetulan waktu Encik Ismail Yusof, dia itu agak baik dengan saya jadi dia tahu saya ini pernah buat persembahan ulik bonda secara solo pasal dia minta *nak* [hendak] tengok ulik bonda pasal dia tahu ulik bonda. Saya kata tidak boleh encik sebab kalau encik bagi tarikh saya begini tidak sempat. Kalau encik *nak* [hendak] juga biar saya nyanyikan lagu ulik bonda. “Dia kata boleh nyanyi?”, kata boleh. Lagu, lagu ulik bonda saya nyanyi solo saya kata. “Okay tidak apa” dia kata, saya ingat masa tu Dato Zainal Yusof jemputan. Lepas itu dia tidak puas hati lagi. Bila dia tidak puas hati, dia minta Encik Nazali buat kajian kaji selidik itu Peserta daripada Universiti Malaysia Kelantan kebetulan dia rujuk pada Encik Nazali, Encik Nazali ajak *mari* [datang] sekali.

**SNM** : Tahun bila itu?

Tahun bila (ketawa). *Dua* [2] *tiga* [3] *empat* [4] tahun lepas. Dekat-dekat *nak* [hendak] pilihan raya juga pasal masa selepas saya buat itu, jadi Encik Wan cadangkan saya sebagai salah seorang yang menerima anugerah budaya dengan Dato Rais Yatim, maknanya benda itu dulu saya buat baru saya terima anugerah itu daripada Dato Seri Rais .Betullah dekat-dekat makna *nak* [hendak] dekat-dekat pilihan raya hari itu tapi di keratan surat khabar itu ada tarikh. Mungkin

saya tidak ambil gambar penuh (berfikir). Itulah kira yang menyebabkan benda ini perlu diangkat jadi dia mengarahkan pegawai dia Encik Nazali itu suruh buat kajian untuk diangkat ke peringkat yang lebih tinggi tapi nampak Encik Nazali pun dia tidak boleh *nak* [hendak] buat apa setakat angkat saja.

**SZZ** : Pada pendapat encik kenapa Ulik Banda ini tidak diketahui oleh masyarakat sebab kalau tanya *kat* [pada] orang Kelantan pun *diorang* [mereka] macam tidak pernah dengar ?

Itu sebab realiti macam yang saya kata tadi. Dia pembawakan daripada rasa kecewa daripada suatu waktu di Jembal itu mari ke Pasir Puteh lepas itu pergi ke Besut dikembangkan sedikit di Besut (gangguan bunyi bising).

**SNM** : Maknanya hanya di Pasir Puteh dan Besut sahaja?

Ya. *Diorang* [mereka] tidak pernah dengar. Kalau setengah itu pernah dengar tapi tidak tahu permainan macam mana. Ada kalau saya tanya orang Bachok tidak pernah dengar ulik bonda ini macam mana tak tidak tahu.

**SNM** : Ada orang cakap Ulik Banda ini lebih dia sama macam main peteri.

Bagaimana rasa awak adakah sama dengan Main Peteri. Kalau lebih kurang kalau macam itu awak tidak tahu Main Peteri itu macam mana (ketawa). Maksudnya macam awak tidak kenal gajah dengan kerbau. Awak *nak* [hendak] dengar cerita tidak. \_ pergi Kelantan kata orang Terengganu, \_ pergi Kelantan

dia tengok gajah, dia tengok kerbau tapi dia tidak kenal kerbau. Bab unsur lupa itu sikit saja. Unsur lupa itu orang yang diubat itu mengalami unsur lupa lepas itu dari segi permainan itu peteri itu dia tidak sama dia *empat* [4] *lima* [5] orang saja. Sambung cerita gajah dengan kerbau. *Mari* [datang] Kelantan dia kata besar dia kata gajah, lepas itu kawan dia tanya mana besar dengan kerbau, dia cakap sama besar (ketawa).

**SZZ** : Pada pendapat encik adakah (berdehem) pihak media massa memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat tentang Ulik Banda?

**EAD** : Ya boleh juga walaupun pihak yang lebih bertanggungjawab yang di Jabatan Kebudayaan ke ataupun Majlis Kebudayaan Negeri sendiri ke yang membangga-banggakan dengan permainan wau, gasing, silat \_ yang hampir tenggelam boleh angkat, (bunyi kerusi) di dalam Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan wujudkan *satu* [1] unit kaji selidik ataupun di Jabatan Kebudayaan itu wujudkan *satu* [1] unit kaji selidik-hidupkan kembali permainan unik Kelantan yang hampir pupus (bunyi kerusi) seperti Tari Inai, Ulik Bonda apa lagi, permainan kecupong (ketawa) tidak apalah saya sebut permainan kecupong dan beberapa lagi tidak tahu nama apa lagi sebut macam mana macam saya sebut kecupong awak pelik. Dia *satu* [1] jenis permainan juga. Hidupkan kembali jadi kalau *nak* [hendak] tidak *nak* [hendak] hidupkan boleh juga tapi biarlah ada *satu* [1] unit kaji selidik tapi mungkin sudah ada di Jabatan Kebudayaan tapi saya rasa di dalam Majlis Kebudayaan Negeri, saya rasa tidak ada (gangguan) \_

sebab kita Kelantan barulah kita boleh gah Kelantan dengan sebagai gedung budaya \_\_. Ini kita banga-bangakan dengan lawan tinju. Lawan tinju semua orang kenal pasal kita bawa nama Siam, tomoi, sebab apa kita tidak angkat silat jaguh yang sudah tentu hak orang Kelantan yang kita tengok dengan gusti tidak sama. Angkatlah silat jaguh (gangguan bunyi bisung). Ini kita angkat Siam \_\_. Saya pun semalam pergi \_\_ lepas itu kita suka angkat yang orang lain, hak kita sendiri tenggelamkan \_\_.

**SZZ** : **Adakah encik setuju dengan penglibatan golongan muda dalam permainan Ulik Banda ini?**

**EAD** : Saya memang amat setuju pasal benda ini hak kita, budaya kita jadi kalau tidak kita siapa lagi. Itulah di antara kita-kita yang akan meneruskan warisan budaya yang bakal ditinggalkan. Saya sekadar pencetus kepada ulik bonda ini buat dalam bentuk manuskrip daripada tidak lengkap kepada yang lebih lengkap. Mungkin orang lain akan buat kepada yang terbaik lagi daripada apa yang saya pernah buat (gangguan).

**SZZ** : **Apakah langkah yang encik lakukan untuk menggalakkan penglibatan golongan muda?**

**EAD** : Saya langkah-langkah yang saya selalu bagi semangat kepada orang muda di kampung saya kalau ada ataupun saya selalu balik buat latihan walaupun tidak ada persembahan. Jadi kami ini ada kumpulan, istimewanya kumpulan saya itu

boleh bermain jadi waktu tidak lagu berlatih ulik bonda kita main marhaban. Tujuan marhaban ini untuk mengiringi perarakan pengantin. Jadi waktu tidak main ulik bonda *nak* [hendak] berarak mana, menikah orang kampung mana, orang Kota Bharu lepas itu kita bawa *sepuluh* [10] orang mungkin *dua* [2] *tiga* [3] buah kereta jadi kita bagi duit minyak. Lepas itu kita bagilah apa yang patut, orang yang sama di kampung saya.

**SZZ** : Adakah encik bersetuju sekiranya terdapat ahli perempuan yang ingin turut serta dalam?

**EAD** : Tidak jadi masalah sebab dunia sekarang ini serba mencabar. Ada saya tengok semalam itu main tomoi \_ tempat saya pergi semalam ada juga peserta wanita muda-muda lagi. Kalau zaman saya dulu kena baling dengan tahi lembu (ketawa) \_ main bahagian tomoi ini. Kalau silat tidak apa. Jadi kalau ulik bonda ini tidak sampai macam itu lebih sopan lagi duduk macam menyanyi *gitu* [begitu] saja. Oh ya waktu saya buat angkat ke pentas buat pertama kali golongan wanita lebih ramai daripada lelaki. Cuma lelaki bertindak sebagai orang yang diulik dengan sebagai teman lakon. Sebagai awak-awak dan penyanyi tapi itu di pentaslah kita dah ubah suai tapi lagu sama. Kebetulan peserta anggota saya itu ramai wanita, saya nak cari lelaki macam mana.

**SZZ** : Adakah sekarang kanak-kanak sudah diberikan pendedahan mengenai Ulik Banda ini?



EAD : Pendedahan secara tidak langsung itu berlaku sewaktu kita lakonkan macam saya ceritakan itula h. Dia memang jadi ramai. Contoh yang paling dekat, *nak* [hendak] pergi mana abang, tengok ulik bonda, bawa Mamat ini, dia kacau adik dia *nak* [hendak] tidur padahal Mamat itu dah ingat *nak* [hendak] nyanyi, bapa dia tidak ingat lagi. Budak-budak dia cepat ingat. Nyanyi lagu adik tapi tidak mahu. Waktu saya dulu pun kita mana pandai menulis cuma ingat lagu saja.

**SZZ : Apakah jangkaan encik terhadap permainan Ulik Banda ini selepas lima tahun akan datang?**

EAD : Saya rasa kalau saya tidak dapat angkat benda ini saya rasa teramat kecewa sebab selama ini pun Jabatan Kebudayaan pun dah buat dah. Hari itu Naib Pengerusi Majlis Kebudayaan Negeri pun sudah ambil tindakan. Jadi kalau tidak dapat diangkat walaupun sepotong kata ataupun serangkap pantun, saya rasa kecewa sebab saya kata tadi kalau permainan itu sendiri ditinggalkan saya rasa tidak inilah sangat--. Keseluruhan lagu-lagu yang ada yang seperti awak tengok ditinggal saya rasa kecewa.

**SZZ : Nanti kami *nak* [hendak] bukukan cerita ini, encik *nak* [hendak] ke tidak salinan?**

EAD : Boleh juga. Buku itu jadi kalau boleh buatlah biar publisiti pasal dapatkan cetakan daripada Jabatan Negara IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] ke Dewan Bahasa ke lagi kemas. Baru boleh bagi percuma pada mana-mana

sekolah \_ . Kalau awak buat simpan di rakan tanah di UiTM [Universiti Teknologi Mara] sahaja tidak ada makna juga (ketawa) ataupun di rakan tanah di rumah awak. Rakan tanah tahu tidak. Rakan tanah ni *library* [perpustakaan]. Orang Kelantan kata *library*, orang putih kata perpustakaan.

**SZZ** : Terima kasih encik kerana sudi luangkan masa untuk kami.

**EAD** : Sama-sama.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

### BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT YANG DIRUJUK
00:00:31 - 00:05:01	Latar belakang tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Awang Darus bin Awang Hamat</li> <li>2) Kampung Gong Datuk, Pasir Puteh, Kelantan</li> <li>3) Kota Bharu</li> <li>4) Pengkalan Chepa</li> <li>5) Sekolah Menengah Kebangsaan Gaal, Pasir Puteh, Kelantan</li> <li>6) Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan</li> <li>7) Zuliha binti Mohamad</li> <li>8) Labuan</li> <li>9) Sabah</li> <li>10) Universiti Malaysia Terengganu</li> <li>11) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan</li> <li>12) UMK</li> </ol>
00:06:18 – 00:06:28	Pencapaian sepanjang penglibatan dalam bidang kesenian	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Menteri Kebudayaan dan Kesenian Negara</li> <li>2) Datuk Seri Rais Yatim</li> </ol>

**BAHAGIAN 2 : PENGALAMAN DAN ASAL-USUL PERMAINAN**

<b>MASA</b>	<b>SUBJEK</b>	<b>NAMA / TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
00:09:16 – 00:13:09	Penglibatan awal dalam bidang kesenian	1) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 2) Majlis Penyampaian Anugerah Penulisan Cerpen (GAPENA) 3) Persatuan Seniman dan Penulisan Kelantan (PUSPA) 4) Pusat Bahasa Arab Nilam Puri, Universiti Malaya 5) Terengganu
00:14:40 – 00:36:56	Asal usul Ulik Banda	1) Puteri Sa'adong 2) Siam 3) Kerabat Diraja Jembal 4) Daerah Besut dan Pasir Puteh 5) Peteri (Permainan Puteri) 6) Mak Yong 7) Bagheh 8) Adenan Abu Hasan 9) Tok Juara
00:41:42 – 00:44:31	Perubahan pantun	1) Muzikal Teater Tradisional 2) Dewan Saddam Hussin, Pusat Bahasa Arab Nilam Puri 3) Teater Kisah Pembawa Arah 4) Kerajaan Kampung Laut 5) Puteri Tengku Tengah 6) Long Jaafar 7) Long Pandak

00:52:50 – 00:57:19	Penyertaan dalam permainan Ulik Banda	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Anak Seni Sema Bujang</li> <li>2) Sekolah Menengah Bukit Jawa</li> <li>3) UMNO</li> </ol>
---------------------	---------------------------------------	---

### **BAHAGIAN 3 : KOMPONEN DAN KAEDAH PERMAINAN**

<b>MASA</b>	<b>SUBJEK</b>	<b>NAMA / TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
01:09:35 – 01:11:01	Tujuan rawatan Ulik Banda	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Tok Juara</li> <li>2) Mamat</li> </ol>

### **BAHAGIAN 4 : CADANGAN DAN HARAPAN**

<b>MASA</b>	<b>SUBJEK</b>	<b>NAMA / TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
00:14:19 – 00:18:49	Cadngan untuk mengekalkan Ulik Banda dalam masyarakat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pahang</li> <li>2) Negeri Sembilan</li> <li>3) Cikgu Jamal</li> <li>4) Encik Nazali</li> <li>5) M. Nasir</li> <li>6) Encik Ismail Yusof</li> <li>7) Encik Wan</li> </ol>

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00pg- 10.00pg	24 Mac 2016	Pemilihan topik.  Topik yang dipilih ialah mengenai kisah di sebalik kewujudan Pantai Irama.	Memilih topik yang berunsur cerita rakyat atau cerita legenda rakyat negeri Kelantan yang semakin dilupakan.
8.00pg- 10.00pg	24 Mac 2016	Berbincang dan mengesahkan tajuk.  Mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai kisah di sebalik kewujudan Pantai Irama di Bachok, Kelantan.	Berbincang bersama ahli kumpulan. Memulakan pencarian maklumat mengenai kewujudan Pantai Irama melalui laman sesawang.
8.00pg- 10pg	31 Mac 2016	Mendapatkan maklumat tambahan mengenai kewujudan Pantai Irama. Mendapatkan tajuk tambahan sebagai tajuk sokongan sekiranya tajuk sedia ada tidak sesuai dan kurang maklumat.	Mencari maklumat dan tajuk sokongan melalui laman sesawang dan blog.

11.30pg- 1.30tghhari	31 Mac 2016	<p>Untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai kisah di sebalik kewujudan Pantai Irama dan maklumat terperinci mengenai tajuk sokongan.</p> <p>Jabatan Kebudayaan dan Kesenian tidak mempunyai maklumat mengenai kewujudan Pantai Irama. Encik Nazali yang bekerja di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian mencadangkan mengenai beberapa tajuk yang boleh dikaji antaranya Ulikbanda.</p>	<p>Pergi ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan.</p> <p>Mendapatkan maklumat seperti nama tokoh Ulikbanda dan nombor telefon tokoh yang boleh dihubungi.</p>
5.00ptg- 5.30ptg	2 April 2016	Untuk mengesahkan maklumat mengenai tokoh tajuk Ulikbanda yang diberi tepat.	Membuat panggilan telefon kepada Encik Darus iaitu tokoh yang arif mengenai Ulikbanda. Namun panggilan tidak berjawab.
9.00pg- 10.00pg	3 April 2016	Untuk mengesahkan maklumat mengenai tokoh tajuk Ulikbanda yang diberi tepat.	Membuat panggilan sekali lagi kepada Encik Darus. Panggilan berjawab. Berbincang untuk



			berjumpa bagi mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai Ulikbanda.
1.00 tghhari- 2.00ptg	3 April 2016	Mendapatkan maklumat mengenai tajuk Ulikbanda dan tajuk sokongan iaitu kewujudan Pantai Irama.	Pergi ke Pejabat Tanah Pasir Puteh untuk tajuk Ulikbanda dan ke Pejabat Tanah Bachok untuk tajuk Pantai Irama.
8.00mlm- 9.00mlm	3 April 2016	Pengesahan mengenai perjumpaan bersama tokoh.	Encik Darus berhubung melalui aplikasi WhatsApp. Tokoh memberitahu bahawa tokoh mempunyai jadual yang padat untuk berjumpa disebabkan tokoh juga bekerja sebagai pegawai penjara di Pengkalan Chepa .
9.00pg- 10.00pg	6 April 2016	Untuk mendapatkan biodata tokoh dan maklumat yang ringkas mengenai Ulikbanda.	Encik Darus memberikan maklumat diri melalui WhatsApp. Tokoh juga mengirim

			gambar, rakaman video semasa latihan Ulikbanda, keratan akhbar dan rakaman audio mengenai tajuk Ulikbanda.
9.00 pg- 2.00ptg	23 April 2016	Untuk mewawancara tokoh untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan lengkap mengenai permainan Ulik Banda.	Encik Darus menceritakan dengan lebih lanjut mengenai permainan Ulik Banda yang tidak diketahui umum dan semakin pupus di Kelantan. Beliau menceritakan asal-usul permainan, golongan yang terlibat dan kaedah permainan.

## SENARAI SOALAN

### SOALAN BAHAGIAN PERTAMA

1. Apakah nama penuh encik?
2. Berapakah umur encik sekarang?
3. Bilakah encik dilahirkan dan di mana?
4. Encik tinggal di mana?
5. Di manakah pendidikan awal encik? Encik bersekolah di mana dulu?
6. Tahap pendidikan tertinggi encik?
7. Adakah encik masih bekerja? Encik bekerja sebagai apa?
8. Di manakah tempat encik bekerja?
9. Selain daripada pekerjaan tetap, adakah encik bergiat sebagai aktivis? Boleh encik nyatakan?
10. Status perkahwinan encik? Siakah nama isteri encik?
11. Berapakah bilangan anak encik? Berapa lelaki dan berapa perempuan?
12. Ada tak anak encik yang berminat juga untuk melibatkan diri dalam permainan ini?
13. Encik pernah ditemuramah mengenai permainan ini sebelum ni?
14. Siakah penerumah tersebut? Adakah beliau dari agensi kerajaan atau swasta?
15. Tujuan beliau menemuramah encik?
16. Apakah pencapaian atau anugerah yang pernah encik peroleh sepanjang terlibat di dalam Ulik Banda ini?
17. Pada tahun berapa? Siakah yang menyampaikan anugerah tersebut?
18. Apa perasaan encik apabila mendapat anugerah atau penghargaan tersebut?

19. Masa encik dapat anugerah tu, encik dapat apa? Maksud saya sijil penghargaan?

## **SOALAN BAHAGIAN KEDUA**

20. Sejak bilakah encik menceburkan diri dalam permainan ini? Pada usia berapa atau tahun berapa?

21. Jadi dah berapa lama encik terlibat dalam permainan Ulik Banda ini?

22. Siapakah atau apakah faktor yang mendorong encik untuk terlibat dalam permainan ini?

23. Apakah peranan encik di dalam Ulik Banda ini?

24. Apakah matlamat dan prinsip encik?

25. Boleh tak encik ceritakan sikit tentang permainan Ulik Banda ni? Dari mana asalnya permainan ini?

26. Pada tahun berapa tu?

27. Apakah nama sebenar bagi permainan Ulik Banda ini? Nama yang betul?

28. Dari mana asalnya perkataan Ulik Banda ni?

29. Dimanakah tempat permainan ini mula-mula sekali dimainkan?

30. Pada tahun bila?

31. Siapakah pencipta atau pengasas kepada permainan ini?

32. Permainan ini menggunakan pantun kan? Siapakah pencipta pantunnya?

33. Apakah tujuan sebenar permainan ini dalam kalangan masyarakat Kelantan?

34. Permainan Ulik Banda ni mempunyai elemen persembahan kan? Boleh encik ceritakan persembahan yang macam mana?

35. Kiranya permainan ini hanya wujud di daerah Pasir Putih sahaja atau ada juga di tempat lain? Kalau ada boleh encik nyatakan di mana?
36. Benarkah dikatakan permainan ini diubah mengikut keseuaian dan perubahan masa? Boleh encik jelaskan mengapa?
37. Apakah perubahan yang dilakukan dalam permainan ini? Boleh encik berikan contoh?
38. Kenapa perlu diubah?
39. Siapakah yang bertanggungjawab membuat perubahan tersebut?
40. Sejak bila perubahan dalam permainan ni dilakukan?
41. Adakah perubahan yang dilakukan diterima baik oleh masyarakat yang sudah biasa dengan permainan ni sejak dulu lagi?
42. Pernah tak Ulik Banda ni dipersembahkan atau dipertontonkan dalam bentuk yang lain? Kalau ada boleh encik nyatakan?
43. Pada tahun bila tu?
44. Ada jalinan kerjasama dengan mana-mana pihak?
45. Apakah ada kumpulan yang dibentuk bagi memainkan permainan ini? Nama kumpulan tersebut?
46. Berapa ramai ahli dalam kumpulan itu?
47. Ada apa-apa syarat tak untuk turut serta menjadi ahli kumpulan ini?
48. Boleh encik nyatakan peranan ahli dalam kumpulan itu? Contohnya ketua dalam kumpulan itu?
49. Ada latihan dijalankan tak dalam Ulik Banda ni? Mengapa?
50. Di mana biasanya latihan dilakukan?

51. Selalunya latihan mengambil masa berapa lama? Ada hari-hari tertentu ke untuk latihan dijalankan?
52. Berapa jam bagi setiap satu sesi latihan?
53. Apa yang biasa dilakukann semasa latihan?

### **SOALAN BAHAGIAN KETIGA**

54. Tujuan Ulik Banda ni adalah untuk segar angin kan? Apakah yang dimaksudkan dengan sakit angin?
55. Apakah punca berlakunya sakit angin itu?
56. Adakah latihan dilakukan dahulu sebelum rawatan sebenar pesakit?
57. Kalau ada latihan, berapa kali latihan dilakukan sebelum rawatan sebenarnya?
58. Adakah Ulik Banda ni mempunyai penggunaan jampi atau mantera dalam proses rawatannya?
59. Apakah cabaran dan pengalaman yang encik dan ahli kumpulan pernah lalui sepanjang menceburkan diri dalam Ulik Banda ni?
60. Adakah Ulik Banda mempunyai pantang larang yang perlu dipatuhi?
61. Sekiranya ada, boleh kongsikan pantang larang itu?
62. Apakah kesan sekiranya pantang larang ini tidak dipatuhi?
63. Dimanakah persembahan atau rawatan dilakukan? Di tempat terbuka atau tertutup?
64. Bilakah waktu yang sesuai untuk sesi rawatan dijalankan? Ada masa tertentu sahaja ke?
65. Adakah orang ramai boleh menonton rawatan yang dijalankan?
66. Apakah ada atau panggilan gelaran untuk pemantun? Boleh encik nyatakan?

67. Adakah ada purata umur pemantun?
68. Adakah pemantun mempunyai pantang larang sebelum dan selepas rawatan atau semasa proses rawatan dijalankan?
69. Adakah pemantun menggunakan alatan lain semasa rawatan selain berpantun?
70. Adakah unsur yang digunakan dalam pantun yang asal? Kalau ada boleh encik jelaskan?
71. Adakah pantun yang dibaca mempunyai maksudnya yang tersendiri?
72. Adakah unsur pantun yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian? Boleh encik ceritakan sikit jika ada?
73. Adakah perbezaan pantun dahulu dengan pantun yang telah dimodenkan atau dibuat perubahan?
74. Siapakah golongan yang terlibat semasa rawatan? Lelaki atau perempuan?
75. Kenapa? Boleh encik jelaskan?
76. Ahli yang berperanan untuk bertepuk tangan dipanggil sebagai apa?
77. Berapakah purata umur awak-awak?
78. Adakah bilangan awak-awak terhad?
79. Adakah bilangan awak-awak mempengaruhi sesi rawatan?
80. Adakah awak-awak juga perlu membaca pantun bersama pemantun?
81. Adakah pakaian awak-awak ditetapkan semasa latihan dan juga semasa persembahan?
82. Adakah peranan awak-awak selain bertepuk tangan?
83. Adakah ada gelaran atau nama panggilan khas untuk pesakit? Boleh encik nyatakan?
84. Adakah pesakit boleh terdiri daripada pelbagai golongan? Contohnya dari segi umur?
85. Adakah pesakit menari dalam keadaan sedar atau tidak semasa dalam proses rawatan?
86. Adakah setiap tarian dipengaruhi oleh pantun yang dilagukan?

87. Bagaimanakah kedudukan pesakit semasa rawatan?
88. Adakah pakaian pesakit ditetapkan semasa proses rawatan? Atau pesakit boleh berpakaian bebas?
89. Adakah pesakit akan bertindak di luar kawalan semasa proses rawatan? Pernah berlaku tak sebelum ni?
90. Adakah pesakit mempunyai pantang larang sebelum, semasa dan selepas rawatan?
91. Adakah pesakit pernah menjadi agresif atau gagal mengawal dan berisiko mencederakan penonton?
92. Bagaimana keadaan pesakit setelah rawatan?
93. Adakah pesakit perlu dirawat secara kerap atau setakat diperlukan sahaja?
94. Adakah seorang pesakit boleh dirawat lebih dari sekali?
95. Apakah irama yang digunakan semasa rawatan?
96. Adakah irama ini menggunakan sebarang alatan muzik?
97. Sekiranya tidak menggunakan alat muzik, boleh encik jelaskan mengapa?
98. Adakah Ulik Banda ni memang tidak menggunakan alat muzik sejak dahulu lagi?
99. Mengapa Ulik Banda tidak menggunakan alat muzik? Boleh encik ceritakan?
100. Adakah irama yang digunakan ini wujud sejak mula-mula lagi atau baru dicipta? Boleh encik ceritakan sikit?
101. Adakah irama tepukan itu mempunyai maksud sebaliknya?
102. Apakah ada sebarang kesan sekiranya awak-awak salah tepuk? Maksudnya tak sama tempo?
103. Adakah tepukan tangan ini mempunyai jenisnya? Jika ada berapa jenis cara tepukan tangan?



104..Adakah irama dari tepukan mempengaruhi pesakit? Contohnya pesakit akan menjadi asyik?

#### **SOALAN BAHAGIAN KEEMPAT**

105..Apakah cadangan encik untuk mengekalkan permainan Ulik Banda ini dalam kalangan masyarakat sekarang terutamanya golongan muda?

106.Adakah bahan-bahan bercetak yang boleh diperolehi berkaitan permainan Ulik Banda ini?

107.Pada pendapat encik, mengapakah permainan Ulik Banda ini tidak diketahui oleh masyarakat dalam Kelantan apatah lagi di luar Kelantan?

108.Pada pendapat encik, adakah pihak media massa memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat tentang permainan Ulik Banda ini?

109.Adakah encik setuju dengan penglibatan golongan muda dalam permainan Ulik Banda.

110.Apakah langkah yang encik lakukan untuk menggalakan penglibatan golongan muda dalam permainan Ulik Banda ini.

111.Adakah encik bersetuju sekiranya terdapat ahli perempuan yang ingin turut serta dalam Ulik Banda ini?

112.Adakah sekarang kanak-kanak sudah diberikan pendedahan mengenai Ulik Banda? Wajarkah bagi encik?

113.Apakah jangkaan encik terhadap permainan Ulik Banda ini selepas lima tahun akan datang? Akan dilupakan atau dikembangkan lagi ke seluruh Kelantan?

## SURAT PERJANJIAN



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Suarez, Dahir & Mohd Haniff Pada 22/4/2016

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

#####  
#####

*Suarez Dahir*

Pengkisah

.....  
Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UTM Kelantan.

## GAMBAR



Gambar 1: Keratan Akhbar mengenai Ulik Banda

<p>Cak kelok mak bujang bonda, Turun bonda menimang anak, Anak bonda berapa orang, Mati saorang tinggal dua</p> <p>Nak umbuk ku beri umbuk, Nak umbuk seludang nyur, Nak sambut ku beri sambut, Nak sambut belan bertanya</p> <p>Cak lok lan papan jatuh, Nak buai si paku buai, Anak bonda bagai diatur, Tubuh bonda terkular balai</p> <p>Kacang ayak si kacang endang, Kacang pahit dalam padi, Sudah terlenggok sudah terlenggang, Orang baik bangun menari</p> <p>Turun ke becah mengail bujuk, Sentak berdengung punca tali, Ripa sudah bonda ku duduk, Bingkas bangun serta menari</p> <p>Cak titi ketila uk, Udang bonda di balik ebek, Menari sekucar la uk, Menari semolek-molek</p> <p>Cak kekot kaki ayam, Ayam berlaga di umbi buluh, Mek jangok curi kat orang, Tebus harga empat puluh</p> <p>Ceng gok ceng, Sulat bunga lada, Temu hantu kucing, Bersilat dengan Pak Da</p> <p>Susunan lirik oleh: awg darus</p>	<p>Anak tung diati, Makan bunga telang, Minta hidung sikil, Nak buat bekal berjalan</p> <p>Pinang gak muda, Luruh atas pusu, Temu anak dara, Minta jamah dagu.</p> <p>Padi setangkai, Manik sebuyung, Kedidi pantei, Jalan onggek punggung</p> <p>Burung tebig burung belatuk, Anak tung dalam buyung, Minta tabik segala datuk, Tengok tuan bermah mak yong.</p> <p>Burung tebig burung belatuk, Anak selang dalam cawan, Minta tabik segala datuk, Tengok tuan memanggil awang</p> <p>Burung punai si ekor lebat, Mati tersepit di dahan kayu, Tiup serunai bergesek rebat, Nak ulik tuan beradu</p> <p>Jangan tongkat pisang nak patah, Biar patah sendiri dia, Jangan sekat tuan nak sudah, Biar sudah sendiri dia</p> <p>Jangan tongkat pisang riak tum, Biar tumbang sendiri dia, Jangan sekat tuan nak pulang, Pulang pulih sediakala</p> <p>Bunyi duluk bang mali duluk bang naku subala bang hito patina bang</p>
--	--

Gambar 2: Lirik Pantun



Gambar 3 : Gambar Kenangan Selepas Selesai Wawancara

# INDEKS

## A

Adaptasi

1,2,3,16,24,32,36,40,44,50,54

Agresif 13,17,48,49,50

Arena 13,23,47,48,49

## B

Bagheh 11,21,22,23,36,37,

## D

Datuk Seri Rais Yatim 5,6,

Dikir barat 11,19,28,40,45

## J

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian

Negara, Negeri Kelantan 4,6,7,28,29

## K

Komposer 9,52

Kota Bharu 2, 28,56

## M

Mak Yong 11,21,22,24

Manuskrip 56

Negara 5

## P

Pantun 11,13,14,15

Pengkalan Chepa 2

Peteri 11,21,22,39

Puteri Sa'adong 10,11,12,13

## S

Siam 10,13

Smutar 44,45,47

Solo 28,42,49

## T

Tempo

Terengganu 8,42,43,49

## U

Ulik Bonda 4,8,9,10,12

Ulik Mayang 9,51,52

UMK 5